

Jilid II
Bil. 26



Hari Selasa
11hb Oktober, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4793]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4849]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) [Ruangan 4850]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* Paul Pansai (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).

- Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIOW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 11hb Oktober, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempe-
ngerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RAPAT UMUM—PENGHARAMAN

1. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebabnya Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah, Ahli Parlimen Gua Musang tidak dibenarkan berucap di setengah-setengah tempat anjuran rakyat, terutama di Kelantan, termasuk di kawasan Parlimennya sendiri, manakala pemimpin-pemimpin Parti Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang dibenarkan seperti "SEMARAK", Tarbiah, Majlis Makan Malam dan sebagainya yang sememangnya berbau politik. Bukankah Y.B.M. Tengku Razaleigh adalah salah seorang pemimpin negara dan bekas Menteri kanan yang memang dihormati oleh masyarakat, mempunyai sikap yang sederhana dan apakah ini satu penghinaan serta bertentangan dengan amalan demokrasi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perhimpunan awam dan rapat umum

yang bertujuan politik masih lagi diharamkan. Pihak yang berkuasa tidak dapat mempertimbangkan permohonan dari sesiapa sahaja pun, termasuk Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah, jika sesuatu perhimpunan awam atau rapat umum itu berbau politik. Sesiapa sahaja termasuk Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, juga Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah, pihak penganjur terpaksa memohon permit untuk mengadakan upacara-upacara atau majlis-majlis yang berbau politik. Ini terpulanglah kepada budi bicara pihak polis.

Kerajaan tidak pernah bersikap menghina kepada sesiapa pun. Malah Kerajaan tidak langsung mengenakan sebarang sekatan apabila Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah dijemput untuk memberikan ceramah di majlis-majlis yang bercorak keagamaan seperti Maulud Nabi atau perasmian masjid.

Kegiatan "Semarak" bukan bertujuan politik tetapi sebagai satu langkah untuk meningkatkan persefahaman di antara kaum dan menanamkan perasaan taat setia kepada Raja dan Negara. Perjumpaan "Semarak" inipun, permit adalah dipohon.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa hak-hak kebebasan bersuara yang menjadi asas amalan

demokrasi di negara kita ini telah disalahtafsir dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu sehingga boleh menjejaskan keselamatan negara dan juga perpaduan negara. Jika beliau sedar, sama ada Yang Berhormat telah pun menggunakan apa-apa tindakan selain daripada tindakan ISA kepada individu ataupun golongan yang tertentu yang secara halus berselindung di sebalik kesucian demokrasi, tetapi menjalankan kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti yang mengancam keselamatan negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan gejala-gejala yang sedemikian, tetapi apa yang wujud sekarang masih lagi terkawal. Bagaimanapun, pihak polis sentiasa melihat bahawa ketenteraman dan juga keharmonian hidup dalam negara ini terjamin.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji

Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Timbalan Menteri sekejap tadi program-program yang tidak dibenar oleh pihak berkuasa mengenai program yang dianjurkan oleh kumpulan Tengku Razaleigh atas alasannya berbau politik dan pihak Kerajaan sendiri melakukan program "Semarak" tidak masuk dalam program politik. Jadi, saya ingin tahu kalau pihak Kerajaan dapat mengistilahkan dan dapat membezakan antara dua perhimpunan ini yang mana tidak politik, yang mana politik kerana program yang dianjurkan oleh pihak Pembangkang, isu dalam pertemuannya sama, cumanya suara dari pihak Pembangkang ini mengajak rakyat supaya menentang Kerajaan dan pihak "Semarak" Kerajaan pula mengajak rakyat menyokong Kerajaan. Saya tidak faham atas apa istilah "Semarak" tidak diistilahkan dalam politik dan yang dianjurkan oleh pihak Pembangkang ini diistilahkan dalam politik. Bolehkah pihak Kerajaan mentakrifkan secara detail?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, takrifan atas perkara ini senang sahaja, ia terpulung kepada permit dikeluarkan atau tidak. Kalau sekiranya "Semarak" tidak diberi permit oleh pihak polis, "Semarak" tidak akan dijalankan. Semua perjumpaan "Semarak" telah pun dibenar oleh pihak polis. Kerajaan tidak melarang perhimpunan. Perhimpunan boleh dibuat dengan syarat permit dipohon dan pihak polis menentukan kerana mereka sahaja yang tahu tentang keadaan yang sebenar untuk menentukan boleh atau tidak boleh permit dikeluarkan. Kalau permit boleh dikeluarkan, perhimpunan boleh dijalankan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin

Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan pertanyaan Yang Berhormat Saudara Ibrahim Ali, saya dapati sejak akhir-akhir ini banyak perjumpaan, ceramah-ceramah dan sebagainya yang berbau politik yang kebanyakannya jelas mencaci, menghina Kerajaan, pemimpin dan pengikutnya diadakan di seluruh negara. Apakah sikap dan tindakan Kerajaan dalam hal ini.

Kedua, sejauh manakah perjumpaan-perjumpaan seperti ini bertentangan atau berlawanan dengan Akta Polis yang telah diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini. Sekiranya ia bertentangan, kenapa tindakan-tindakan tidak diambil? Apakah rasionalnya di sebalik sikap biar, tunggu dan lihat oleh Kementerian Dalam Negeri itu? Adakah keadaan ini mencerminkan bahawa Kerajaan ini bersikap toleransi dan baik hati atau lemahnya Akta tersebut atau kuatnya pengaruh kumpulan-kumpulan tersebut, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Saudara Ibrahim tadi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini sudah jauh terkeluar daripada

soalan asal. Bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa pihak Polis telah menjalankan tugasnya dengan baik mengikut sepertimana Akta yang telah kita luluskan.

BALAI BOMBA DI PENAMPANG

2. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian beliau sedia menimbang semula permintaan rakyat untuk mendirikan sebuah balai bomba di Penampang yang mana telah ditunda dari rancangan Malaysia yang lalu, memandangkan bahawa ekonomi kini telah pulih semula.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam) Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengambil langkah positif dalam melaksanakan Balai Bomba yang baru di Penampang. Permohonan tanah seluas satu ekar untuk tapak balai bomba telah dipohon dan masih dalam pemerosesan. Kementerian akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi membina Balai Bomba dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Chew Kam Hoy tidak hadir)

PROTON—AMBILALIH PENGURUSAN

4. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dengan pengambilalihan pengurusan Proton oleh pengurus-pengurus Jepun, maka berapa orang pegawai Jepun yang mentadbirkan urusan Proton pada masa ini

berbanding dengan bilangan pegawai HICOM atau pihak Kerajaan Malaysia. Apakah bilangan pengurusan Jepun sebelum ini. Adakah kebebasan pengurusan Jepun untuk bertindak akan dihadkan;

- (b) jika ya, maka, dalam perkara-perkara yang manakah kebebasan mereka untuk bertindak akan dikawal, dan dalam perkara-perkara yang manakah kebebasan mereka tidak akan dikawal;
- (c) adakah keadaan ini akan berterusan, atau hanya sehingga keadaan kewangan Proton dapat dipulihkan dan HICOM mengambilalih semula, atau pengurusan akan diuruskan bersama-sama tetapi, dengan pertambahan dalam perwakilan di Lembaga Proton di sebelah pihak HICOM; dan
- (d) secara keseluruhannya berapakah bilangan kakitangan Jepun yang digajikan di setiap peringkat pentadbiran, pengeluaran dan pemasaran Proton pada masa kini berbanding dengan sebelum ini. Bagaimana pula dengan bilangan kakitangan tempatan ini setiap peringkat pada masa ini dan sebelum itu.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, penglibatan pegawai Jepun dalam pengurusan PROTON telah bermula sejak penubuhan PROTON. Penglibatan ini telah bertambah dengan perlantikan tiga pegawai kanan Mitsubishi Motor Corporation (MMC) dan Mitsubishi Corporation of Japan (MC) yang terdiri dari Pengarah Urusan, Pengurus Besar Korporat (Perniagaan) sejak 1hb Ogos, 1988. Mereka ini bertugas di samping tiga orang pegawai kanan tempatan yang

berjawatan Pengurus Besar Pentadbiran, Pengurus Besar Perkilangan dan Pengurus Besar Perniagaan. Seperti pengurusan mana-mana syarikat, pihak pengurusan mentadbir syarikat berlandaskan kepada dasar-dasar dan garispuanduan-garispuanduan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

Penglibatan terus pegawai-pegawai tambahan daripada MMC/MC dalam pengurusan PROTON adalah untuk jangkamasa dua tahun sahaja. Ahli Lembaga Pengarah PROTON yang terdiri dari lapan orang yang mewakili HICOM dan empat orang mewakili MMC/MC dijangka tidak bertambah. Secara keseluruhan, bilangan kakitangan MMC/MC yang digajikan oleh PROTON pada tahun 1988/1989 adalah seramai 17 orang berbanding dengan 14 orang pada tahun 1987/1988. Manakala bilangan kakitangan tempatan di setiap peringkat pengurusan pada masa kini adalah 125 orang yang terdiri dari 21 orang dari Bahagian Perniagaan, 85 orang dari Bahagian Perkilangan dan 19 orang dari Bahagian Pentadbiran.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada ucapan yang datangnya daripada orang-orang yang agak mempunyai kedudukan, dikatakan bahawa kalau perlu pengurusan PROTON ini diberikan kepada seluruh pegawai-pegawai Jepun dan ini dikatakan bermulanya untuk menjepunkan pengurusan PROTON. Apakah ini benar ataupun ada niat Kerajaan untuk berbuat demikian?

Kedua, apakah PROTON sahaja yang akan diberi pengurusannya kepada orang-orang Jepun kerana mengambil kira tentang bar-excellence dari segi pengurusan yang dilakukan oleh mereka, kerana PROTON ini mungkin menghadapi kesulitan

pengurusan dari segi kewangan dan sebagainya? Apakah Kerajaan juga akan melantik orang-orang Jepun untuk mengetuai pengurusan badan-badan Kerajaan yang lain yang menghadapi masalah yang serupa sebagaimana yang dihadapi oleh PROTON?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menjelaskan bahawa PROTON juga dimiliki oleh Syarikat MMC/MC iaitu syarikat-syarikat Jepun sebanyak 30%. Mereka sedia memberi pengurusan ini kepada pegawai-pegawai daripada Malaysia, tetapi kita dapati bahawa oleh kerana masalah yang dihadapi, maka kita tidak dapat kecapaian yang sebaik-baiknya seperti yang dijangka, sebaliknya kita tahu bahawa orang-orang Jepun agak bijak dalam bidang pengurusan. Walaupun harga petroleum naik, mereka masih untung, baru-baru ini nilai matawang Yen naik, mereka masih untung. Ini tentulah menunjukkan bahawa mereka mempunyai kecekapan pengurusan yang istimewa.

Kita tidak harus berasa malu dalam perkara kelemahan kita dalam bidang pengurusan ini dan adalah lebih bijak bagi kita kalau kita mempelajari daripada orang yang berjaya. Sebab itu kita telah menjemput pihak Jepun supaya memainkan peranan yang lebih daripada dahulu dalam pengurusan PROTON ini dan ini pun buat satu jangkamasa yang pendek sahaja, iaitu selama dua tahun, dengan kefahaman bahawa mereka akan memberi latihan kepada pegawai-pegawai kita supaya pada penghujung dua tahun ini dapatlah kita mengambil-alih pengurusan syarikat PROTON ini. Itupun adalah kalau kita berjaya dan kita sudah mampu. Adalah tidak bijak dalam bidang pengurusan lebih mengutamakan perasaan bangga dengan diri sendiri dan dengan itu kita kerugian dengan banyak.

Saya ingin jelaskan bahawa pada tahun 1976 Kerajaan telah mengeluarkan pengurusan Jepun daripada Malayawata yang pada ketika itu telah untung dengan banyaknya tiap-tiap tahun, tetapi dua tahun selepas pengurusan Malayawata diambil-alih oleh kita, kita telah mengalami kerugian \$100 juta. Kita tidak mampu menanggung kerugian-kerugian yang semacam ini. Sebab itulah kita telah menjemput dua orang pegawai Jepun untuk bekerjasama dengan pegawai-pegawai kita supaya kita dapat mempelajari cara-cara pengurusan Jepun yang memang memberi kejayaan kepada mereka.

Kita tidak ada niat untuk menyerahkan semua syarikat-syarikat Kerajaan kepada Jepun tetapi adalah bijak kalau pengurus-pengurus kita juga mempelajari daripada orang-orang Jepun sama ada di waktu bekerja ataupun di waktu-waktu lain. Setakat ini cuma PROTON sahajalah yang diserahkan pengurusannya kepada pihak Jepun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat mengesahkan sama ada benar bahawa satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan untuk mengkaji semula operasi PROTON dan sekiranya ini benar, maka saya ingin mendapat tahu apakah keputusan yang telah dibuat oleh Pasukan Petugas itu dan apakah rekomendasi yang telah dibuat?

Yang kedua, saya ingin bertanya sama ada Yang Amat Berhormat sedar bahawa masalah kelemahan pengurusan ini bukanlah satu masalah yang telah dialami oleh PROTON sahaja, akan tetapi ini juga satu masalah yang dialami oleh projek-projek HICOM yang lain dan jika sekiranya ini benar, maka saya ingin mendapat tahu apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan bahawa kelemahan pengurusan ini,

baikpun di dalam PROTON ataupun di projek-projek HICOM yang lain, akan dapat diatasi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Pasukan Petugas yang ditubuhkan. Hanya yang diadakan ialah apa yang dikenali sebagai Management Committee yang terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi daripada berbagai bahagian di dalam PROTON. Ini adalah satu cara pengurusan yang baik yang memberi peluang kepada semua pengurus-pengurus berjumpa dengan kerapnya untuk mengkaji pencapaian Syarikat PROTON. Itu sahaja yang telah dibuat.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat lain kepunyaan HICOM, memang benar kita telah mengadakan susunan semula bagi sebuah lagi syarikat iaitu PERWAJA di Terengganu dan ini juga ialah kerana kita perlu kepada pengurus yang sudah mempunyai pengalaman yang lama.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar syarikat-syarikat Jepun yang mengadakan usahasama dengan PROTON untuk mengeluarkan Proton Saga juga telah membuka kilang mengeluarkan kereta jenis yang sama di negara-negara lain seperti Thailand dengan harga yang lebih murah dan mungkin menjadi tentangan hebat di pasaran dunia atau pasaran antarabangsa bagi Proton Saga yang kita keluarkan di negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak ada tetapi memanglah syarikat Mitsubishi ini ada keluarkan motokar macam-macam jenis, ada jenis Mitsubishi. Kalau hendak beli daripada Thailand boleh juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan iaitu kepada perkataan yang ketiga di baris dua—perkataan “telah” digantikan dengan perkataan “boleh”. Jadi ayatnya akan berbunyi: “.menyatakan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan”

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 5.

MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU— KEANGGOTAAN MALAYSIA

5. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan adakah negara ini mendapat sambutan yang baik daripada negara-negara lain dalam usahanya untuk dipilih ke dalam Majlis tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Majlis menaruh penuh keyakinan akan peranan dan keupayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai forum yang ulung untuk menggalak dan mewujudkan keadaan yang sesuai untuk keamanan di dunia serta memupuk kerjasama di kalangan negara-negara di dunia. Keanggotaan dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (MKBB) akan membolehkan Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif di dalam PBB dan seterusnya membuktikan keyakinan kita terhadap Pertubuhan itu. Sekiranya Malaysia berjaya menjadi anggota MKBB, ketahanan Malaysia akan ditumpukan kepada memperkukuhkan keamanan serantau serta menjalin kerjasama dan pembangunan di kawasan Asia

Tenggara. Malaysia juga akan mempergiatkan usaha-usaha untuk merumuskan rancangan-rancangan yang melibatkan isu-isu seperti perlucutan senjata ataupun, dengan izin, disarmament issues, peranan pengaman PBB dan berbagai isu-isu penting yang lain.

Malaysia juga menerima sokongan yang menggalakkan dalam usaha mendapat kerusi MKBB tersebut. Sokongan telah diterima daripada negara-negara sahabat seperti negara-negara ASEAN, negara-negara di rantau Asia, negara-negara anggota Persidangan Negara-negara Islam, negara-negara Komanwel serta juga negara-negara sahabat yang lain. Adalah dijangka sokongan untuk Malaysia akan bertambah sebelum pemilihan diadakan untuk kerusi Majlis Keselamatan ini diadakan pada penghujung bulan Oktober ataupun awal bulan November ini.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah suara yang diperlukan sebagai bilangan minimum untuk mendapat sokongan penuh ataupun dipilih sebagai ahli MKBB dan setakat ini adakah negara ini mencapai sokongan minimum tersebut?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak kita masih lagi sedang mencuba untuk mendapat consensus, dengan izin, supaya tidak diadakan pemilihan. Sekiranya wujud pemilihan, kita memerlukan undi sebanyak 2/3 daripada jumlah yang menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Setakat ini jumlah negara-negara yang menyokong negara kita melebihi separuh, belum sampai ke takat 2/3 dan pihak Kerajaan, Kementerian Luar dan wakil-wakil kami di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sedang berusaha untuk mendapatkan jumlah yang mencukupi.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa apabila negara kita Malaysia menjadi anggota Majlis Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau United Nations bahawa pihak Barisan Nasional tidak akan menggunakan ini sebagai satu kemenangan peribadi untuk Perdana Menteri? Menunjuk

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Hu Sepang: Apa "boo"! Diamlah! Menunjuk bahawa beliau ada ramai kawan di seluruh dunia, menunjuk bahawa beliau adalah seorang diplomat yang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di dalam Soal Jawab di sini tidak boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang mempunyai perasaan kepada sesiapa. Saya minta Yang Berhormat jangan bertanya di atas perkara ini.

Tuan Hu Sepang: Satu jaminan sahaja bahawa apabila kita mendapati kerusi ini bahawa pihak Barisan Nasional tidak akan menggunakan isu ini menunjuk bahawa ada satu kemenangan peribadi kepada Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, macam ini boleh tahanlah! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan dijawab perkara ini. Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Melobi adalah penting untuk menjamin kemenangan kita. Jadi sejauh manakah—ini mengikut pengalaman dalam dua persidangan yang saya hadir dan lihat—melobi

adalah penting. Contohnya macam apabila Perdana Menteri dilantik menjadi Presiden Persidangan Anti Dadah Antarabangsa, saya ingat peranan lobi adalah penting. Jadi sejauh mana kita menghantar pakar-pakar lobi kita untuk menjamin kemenangan kita?

Yang keduanya, sejauh mana kerana kita lihat juga ada kalangan Pembangkang terutama DAP yang cuba melobi untuk mengalahkan Malaysia dan tidak menyokong Malaysia, jadi apakah cara untuk kita "melobi supaya kita menang" dan yang keduanya "melobi supaya jangan percaya cakap-cakap DAP ini"?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jawab soalan nombor satu sahaja! (*Ketawa*)

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah melobi untuk mendapatkan kerusi MKBB ini sejak beberapa tahun yang lampau apabila pihak Kerajaan membuat keputusan untuk mendapatkan kerusi tersebut dan cara melobi itu dibuat di beberapa peringkat. Selain daripada Kementerian Luar Negeri melalui pegawai-pegawai, Menteri dan Timbalan Menteri Duta-duta kita di luar negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri lain juga telah pun memainkan peranan yang sama penting untuk mendapat seberapa banyak jumlah negara yang menyokong negara kita untuk mendapatkan kerusi itu. Dengan itu maka itu sebab setakat ini walaupun kita ada mendapat tentangan dari negara-negara lain, negara kita lebih jauh ke hadapan, lebih jauh mendapat undi yang banyak daripada negara-negara yang lain yang sedang bekerja untuk melobi juga bagi merebut kerusi yang tersebut.

FIVE POWER DEFENCE ARRANGEMENT

6. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab apa kita tidak boleh menaikkan "Five Power Defence Arrangement (FPDA)" antara Malaysia, Singapura, New Zealand, Australia dan Britain, kepada "Nine Power Defence Arrangement" yang meliputi juga Negara Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei Darussalam. Apakah halangan untuk mencapai suatu sistem seperti di atas dan apakah cara untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, penetapan sesuatu dasar dalam FPDA adalah merupakan tanggungjawab bersama di kalangan negara-negara ahli FPDA. Dengan ini, usaha untuk menambah keahlian FPDA juga adalah tertakluk kepada persetujuan bersama ahli negara anggota. Oleh itu, Kerajaan tidak boleh menokok tambah keahlian FPDA tanpa mendapat restu dari negara anggota yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FPDA ditubuhkan dengan tujuan untuk pertahanan Malaysia dan Singapura sahaja, ianya bukanlah merupakan peraturan atau Pertubuhan Pertahanan Serantau.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika sekiranya kita tidak dapat persetujuan daripada negara-negara anggota, maka cadangan untuk mewujudkan "Nine Power Defence Arrangement" tidak dapat diwujudkan. Jika sekiranya tidak dapat diwujudkan, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu "defence pact" di antara negara-negara ASEAN.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lain daripada soalan asal.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa Pertubuhan ASEAN adalah satu Pertubuhan yang dilakukan untuk menggantikan "South East Asian Treaty Organisation (SEATO)", dengan kerjasama ekonomi dan bukanlah kerjasama tentera? Kalau ia, apakah usaha untuk membuat satu "pact" ke atas kerjasama dari segi tentera adalah tidak dialu-alukan, oleh kerana ini akan mempengaruhi kestabilan di rantau ASEAN?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama juga lain daripada soalan asal.

DAVID COPPERFIELD— PERTUNJUKAN SILAPMATA

7. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah hasil daripada pertunjukan silapmata oleh David Copperfield tajaan bersama Kementerian Kebajikan Masyarakat dan NST pada 21 hingga 25 Jun, 1988 di Dewan Merdeka PWTC. Berapa badan amal yang sudah diberi sumbangan serta jumlahnya dan senaraikan badan-badan amal tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil yang diperolehi daripada pertunjukan silapmata oleh David Copperfield belum lagi diketahui setakat ini oleh kerana ianya masih di dalam peringkat perkiraan oleh pihak *New Straits*

Times sebagai penaja utama. Oleh yang demikian, hasil sumbangan daripada pertunjukan tersebut belum lagi diberi kepada mana-mana badan amal.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kenapakah lama sangat hendak tahu jumlahnya, apakah halangan-halangan dan masalahnya? Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan bekerjasama dengan New Straits Times Press Malaysia Sdn. Bhd untuk menganjurkan pertunjukan itu, tetapi dari segi kewangannya semua ditanggungjawab oleh penaja-penaja berkenaan. Penaja utama itu ialah New Straits Times. Sebagai Kementerian atau badan yang menjaga Tabung Yayasan Kebajikan kita menunggu hasil dari pertunjukan itu sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkiraan itu dijangka siap dalam masa sebulan lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya berapakah jumlah bayaran yang telah dibayar kepada David Copperfield yang menunjukkan permainannya di sini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat sabar sedikit. Apabila kita dapat statement atau perkiraan itu, saya akan mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini.

**HOSPITAL DAERAH
KUALA KERAI,
KELANTAN—WAD TAMBAHAN**

8. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa dalam tahun 1980, Y.B.

Menteri Kesihatan telah meluluskan satu peruntukan untuk membina wad tambahan empat tingkat di Hospital Daerah Kuala Kerai, tetapi pada hari ini kenyataan masih tinggal begitu sahaja:

- (a) sejauh manakah perkembangan dan tindakan terhadap pembinaan bangunan tambahan empat tingkat ini telah diambil oleh pihak Kementerian;
- (b) adakah tender bagi pembinaan bangunan ini telah dikeluarkan dan jikalau sudah bila dan berapakah harganya; dan
- (c) bilakah kerja-kerja pembinaan itu akan dimulakan dan bilakah dijangka siap untuk kegunaan umum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini Kementerian sedang di dalam peringkat terakhir untuk menyiapkan pelan bangunan bagi membina Wad Tambahan 4 Tingkat Hospital Daerah, Kuala Kerai, Kelantan;
- (b) tender bagi projek Wad 4 Tingkat ini akan ditawarkan pada bulan Disember, 1988; dan
- (c) kerja-kerja pembinaan projek ini dijadualkan bermula pada bulan April tahun 1989 dan projek ini dijangka akan siap pembinaannya pada bulan Mac, 1991.

Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa: Soalan tambahan. Saya masih ingat lagi, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya pada sesi Belanjawan Parlimen tahun lepas, saya telah bertanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan berhubung dengan pembinaan hospital ini dan jawapan yang diberi dalam Dewan yang mulia

ini ialah, pembinaan tambahan wad hospital ini akan bermula pada bulan Jun, 1988. Jadi mengapakah sehingga hari ini jawapan Yang Berhormat Menteri itu tidak ditunaikan, dia berjanji dalam Dewan ini pada bulan Jun, 1988. Saya semak balik *Hansard* yang ada di dalam Dewan pada masa itu.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu projek itu memerlukan perancangan yang teliti dan untuk membina sesuatu blok wad 4 tingkat itu kiranya juga memerlukan perancangan yang teliti, jadi itulah sebabnya memakan masa yang agak panjang sedikit untuk rancangan itu.

SPORT AID 88—PUNGUTAN DERMA “TELETHON”

9. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (i) sejauh manakah manfaat yang terhasil dari “TELETHON” dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia.
- (ii) apakah jumlah derma yang dikutip dapat memberi pulangan terhadap segala perbelanjaan, tenaga dan persediaan yang dibuat oleh semua pihak untuk menjayakannya; dan
- (iii) sepertimana yang dinyatakan 2/3 daripada hasil derma “TELETHON” akan disalurkan kepada Kerajaan Malaysia, sementara 1/3 lagi kepada UNESCO. Badan manakah yang akan bertanggungjawab mengagihkan sumbangan tersebut dan kategori rakyat yang bagaimanakah benar-benar berhak menerimanya.

11-10-88

16. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulima minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah Malaysia boleh dipilih menjadi salah sebuah pusat penganjuran TELETHON-BERLARI MENGEJAR MASA di dunia;
- (b) berapakah jumlah kutipan yang diperolehi pada 11-9-1988 dalam masa 24 jam yang lepas, siapakah penyumbang yang paling banyak secara individu dan secara kumpulan; siapakah penyumbang yang paling sedikit secara individu dan secara kumpulan;
- (c) setakat 10 haribulan Oktober, 1988 berapakah jumlah wang yang telah diperolehi dari jumlah yang telah dijanjikan; dan
- (d) apakah tindakan yang akan diambil sekiranya sangat ramai yang sudah berjanji gagal menunaikan janji-janji mereka; dan apakah langkah yang akan diambil terhadap mereka ini.

18-10-88

20. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) pada 1hb Oktober, 1988 berapakah jumlah sumbangan yang telah dijanji dan telah diterima oleh “Sport Aid 88 Race Against the Time” yang telah berlangsung baru-baru ini di negara kita. Siapakah bertanggungjawab untuk mengurus jumlah sumbangan tersebut dan berapakah bayaran di atas pengurusan tersebut. Adakah Akaun Sports Aids tersebut akan dikemuka kepada Parlimen kita pada persidangan akan datang; dan

(b) dari jumlah sumbangan tersebut berapakah bahagian yang akan dihantar kepada luar negeri dan siapakah agen yang akan menerima kewangan tersebut. Apakah cara dan sistem untuk memberi kewangan tersebut kepada kanak-kanak yang kurang bernasib dan adakah pihak negara kita diberi peluang dalam sistem pentadbiran yang berkuasa di atas jumlah kewangan yang akan diperolehi dari seluruh dunia.

28-10-88

23. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyak kutipan yang dibuat oleh negara ini dalam Telethon Lari Mengejar Masa yang telah diadakan pada 11hb September, 1988 dan apakah manfaat sampingan selain daripada menderma amal yang diperolehi oleh Malaysia hasil daripada Telethon 1988.

4-11-88

19. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyakkah wang yang telah dikutip daripada Telethon RTM 88 bersama Sport Aid 88 dan berapa peratus mereka yang berjanjian sumbangan itu adalah yang palsu dan sila nyatakan dengan wang yang telah dikutip bagaimanakah Majlis Kebajikan Negara akan mengusahakan wang tersebut.

14-11-88

13. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Penerangan menyatakan berapa ramaikah jumlah penderma-penderma "Telethon Sport Aid" berserta kutipannya sekali, dan dari jumlah tersebut berapa banyakkah pula yang akan dihantar ke peringkat antara bangsa dan badan

manakah yang akan menguruskan baki bantuan tersebut khususnya di Malaysia.

22-11-88

18. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah sumbangan derma Sport Aid Telethon RTM '88 yang diberi pengakuan oleh penderma-penderma dan berapa banyakkah derma sebenar yang telah diterima sehingga 31-10-1988. Bagaimanakah caranya derma sumbangan orang ramai itu akan disampaikan kepada kanak-kanak yang benar-benar memerlukan bantuan di seluruh dunia. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang menghantarkan bantuan tersebut dalam bentuk barang-barang makanan berzat yang boleh dikeluarkan dengan murah di negara ini seperti tepung ubi, buah-buahan, ikan basah dan kering, sayur-sayuran, keledak, kelapa, daging, makanan diproses, minuman dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan Yang Berhormat dari Marang ini, saya ingin mohon kebenaran untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana soalan-soalan mereka menyentuh perkara yang sama iaitu:

<i>Ahli dari</i>	<i>Pertanyaan pada</i>
------------------	------------------------

1. Y.B dari Simunjan 11-10-1988
2. Y.B dari Hulu Selangor 18-10-1988
3. Y.B dari Kota Setar 28-10-1988
4. Y.B dari Rasah 4-11-1988
5. Y.B dari Sabak Bernam 14-11-1988
6. Y.B dari Besut 22-11-1988

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Sport Aid '88 ialah sebuah pertubuhan sukarela yang menjalankan aktiviti-aktiviti sukan bagi memungut derma untuk orang yang kurang bernasib baik di seluruh dunia.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang dipilih oleh badan penganjur Sport Aid '88 yang beribu pejabat di London untuk menyertai acara Berlari Mengejar Masa yang diadakan oleh 126 buah negara secara serentak dan disiarkan melalui TV secara serentak juga kepada negara-negara yang mengambil bahagian. Kerana RTM juga telah merancang untuk mengadakan rancangan Telethon bagi memungut derma untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik maka ia telah disatukan dengan acara larian mengejar masa anjuran Sport Aid '88 itu.

Jawatankuasa Organisasi Sport Aid '88 Nasional, Malaysia telah menguruskan acara larian mengejar masa itu, dengan memungut derma dan derma-derma itu akan disalurkan kepada Yayasan Kebajikan Negara. RTM hanya membantu dengan memberi liputan TV bagi acara Larian Mengejar Masa dan satu konsert "Carnival".

Dalam tempoh 24 jam Sport Aid 88 dan Telethon itu diadakan jumlah jaminan-jaminan derma yang dibuat melalui telefon ialah \$4.8 juta. Sehingga 8-10-1988 kutipan yang dibuat melalui UMBC ialah \$1,316,946.24 sahaja dan kutipan akan ditutup pada 31-10-1988.

Seluruh kutipan ini akan diserahkan kepada Yayasan Kebajikan Negara dan pembahagiannya antara Yayasan itu dengan Sport Aid '88 akan ditentukan oleh Kerajaan.

Adalah dijangka bahawa janji-janji ikhlas dari orang ramai untuk menderma itu akan disempurnakan.

Ini adalah kali pertama cara memungut derma yang sedemikian diadakan dan jika ia didapati berhasil rancangan Telethon akan diadakan lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini mengikut pengumuman Menteri Penerangan bahawa derma akan diberi 30% kepada pihak penganjur. Saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat sedar bahawa kita cuba mencari kesempatan daripada apa yang telah dianjurkan oleh orang. Kalau sekiranya \$4 juta kutipan ini saya ingat Kerajaan ataupun badan-badan kebajikan tidak patut campur tangan sebab saya rasa orang yang menderma pada hari tersebut memang secara ikhlas untuk hendak mendermakan kanak-kanak yang menghadapi masalah di negara-negara lain. Mengapa hanya 30%. adakah kita telah membuat perjanjian bahawa kita hendak beri 30% sahaja.

Saya rasa orang yang berlari pada hari tersebut merasa kecewa mengapa kita hanya beri 30%, ada orang yang berpenyakit pun sanggup lari sama untuk memberi sokongan. Kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun turun tengah malam pukul 11.00 beri sokongan dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya siapa yang buat syarat 30%.

Yang keduanya kita dapati banyak orang menuduh rakyat Malaysia ini adalah suka membohong dan membuat fitnah. Jadi janji yang diberikan ialah \$4 juta tetapi kita cuma dapat mengutip \$1 juta maknanya 75% rakyat Malaysia ialah kaki pembohong dan juga buat fitnah. Jadi kita hendak elakkan supaya negara luar jangan nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bertanya, jangan berucap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Pertama, apakah tindakan kepada kaki pembohong ini? (*Ketawa*)

Keduanya adakah Kerajaan hendak ganti untuk elakkan supaya ini bukan budaya masyarakat Malaysia. Yang pembohong ini bukan budaya Malaysia sebab kebanyakan orang Malaysia terutama Kerajaan yang memerintah bukan kaki pembohong.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal penentuan peratus untuk pihak-pihak disebutkan tadi masih belum timbul lagi dan masalah pembahagian itu Kerajaan akan menentukan apabila segala kewangan yang dijanjikan itu dapat dikutip masanya akan ditutup pada 30hb Oktober, 1988 ini.

Yang kedua, sebenarnya kutipan ini adalah bergantung kepada keikhlasan mereka yang telah berjanji untuk menderma. Saya percaya rakyat Malaysia adalah rakyat penunai janji. Majoriti mereka adalah moderate belaka dan istiqamah sifatnya, hanya sebilangan kecil sahaja yang radikal dan mereka inilah kadang-kadang bahkan sering kalinya tidak menunai janji.

Dan masalah tindakan kepada kaki pembohong sebagaimana dikehendaki sebenarnya tidak timbul di sini kerana ini adalah merupakan satu kerja amal yang kita terlibat bersama-sama dengan dunia di peringkat antarabangsa.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setakat 7hb Oktober, 1988 kutipan yang telah dibuat UMBC setakat hanya berjumlah \$1,254,890.71 daripada \$4.8 juta yang telah menjamin derma oleh penderma. Adakah pihak Jawatankuasa Organisasi Sport Aid '88 Malaysia akan memanjangkan lagi tarikh kutipan ini dan membuka lebih

banyak bank-bank bagi memudah para penderma yang telah membuat janji untuk menunai janji mereka.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kutipan sehingga 8hb Oktober, 1988 bukan \$1.2 juta tetapi \$1.3 juta kurang lebih dan tarikh tutup ialah pada 31hb Oktober, 1988. Sehingga setakat hari ini itulah tarikh tutup yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Organisasi Sport Aid '88 Malaysia. Dan apabila sampai pada waktu itu terserah kepada jawatankuasa ini untuk menentukan sama ada untuk menimbang tarikh itu ataupun tidak. Kementerian Penerangan hanya salah satu daripada Jawatankuasa Organisasi Sport yang berkenaan.

KEDUTAAN MALAYSIA DI RANGOON—BILANGAN PEGAWAI

10. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan wakil-wakil orang Malaysia dan ahli keluarga mereka yang berada di kedutaan Malaysia di Rangoon, Burma, sebelum 1hb Ogos, 1988. Berapakah bilangan mereka pada hari ini. Sila senaraikan bilangan rakyat Malaysia di Bandar-bandar Utama dan sila senaraikan kepentingan-kepentingan rakyat dan syarikat Malaysia dan juga Kerajaan Malaysia di Burma, sebelum 1hb Ogos, 1988.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum 1hb Ogos, 1988 Kedutaan Besar Malaysia di Rangoon mempunyai seramai 10 orang pegawai dan kakitangan manakala keluarga mereka berjumlah 26 orang. Kesemua ahli-ahli keluarga dan dua orang pegawai telah dipindah keluar pada 9hb September, 1988 sebagai langkah untuk menjaga keselamatan berikutan daripada kekacauan yang berlaku di Burma. Ini bermakna hanya 8 orang sahaja

pegawai dan kakitangan yang masih tinggal di kedutaan besar Malaysia di Rangoon pada masa ini.

Mengikut rekod Kedutaan Besar Malaysia di Rangoon tidak terdapat seorang pun rakyat Malaysia yang bermastautin di Burma pada masa kini.

Mengenai soal kepentingan rakyat, syarikat dan Kerajaan Malaysia di Burma ingin saya nyatakan di sini bahawa perkara mengenai kepentingan rakyat tidak timbul. Sementara itu syarikat-syarikat Malaysia yang pernah mempunyai hubungan dagangan dengan Burma ialah syarikat-syarikat yang membekal generator, bahan-bahan bumbung dan karung polythene. Walaupun demikian syarikat-syarikat berkenaan tidak pernah menubuhkan pejabat mereka di negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak pernah mempunyai sebarang kepentingan di Burma selain daripada mewujudkan talian persahabatan dengan negara itu selaras dengan prinsip utama dasar luar negara kita.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah Kerajaan bercadang untuk menutup Kedutaan kita di Burma kerana jawapan semalam bahawa kita tidak mengiktiraf Kerajaan Burma.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian atau saya sendiri tidak pernah menyatakan yang kita tidak mengiktiraf Kerajaan Burma pada ketika ini dan sama ada kita akan tutup ataupun tidak Kedutaan Besar kita di Rangoon akan dipertimbangkan mengikut keadaan pergolakan semasa di Burma itu sendiri.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu apakah tujuan, apakah objektif kita tidak tarik balik atau mengundurkan 8 orang yang tinggal di Burma sekarang. Nampaknya keadaan politik di sana sangat genting, serius dan sudah pun ada banyak kejadian keganasan dan juga Kerajaan Burma sering bertukar-tukar dan tadi Timbalan Menteri pun ada kata kepentingan rakyat dan negara di Burma berkurangan. Mengapa kita lagi tinggalkan 8 orang di sana, jelaskan tujuan.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kerajaan Malaysia yang mempunyai pegawai-pegawai kita di sana malah kebanyakan negara-negara lain pun masih lagi menempatkan pegawai-pegawai mereka di Kedutaan mereka di Rangoon. Kita terpaksa membekalkan mereka di sana oleh kerana kita masih lagi menyewa dan mempunyai barang-barangan yang dipunyai oleh Kerajaan kita yang masih memerlukan jagaan dan memerlukan orang yang memastikan yang barang itu tidak dicuri atau dirampas oleh mana-mana pihak serta juga Kerajaan hanya akan mengembalikan mereka semua sekiranya keadaan keselamatan itu terancam.

GERAKAN SEMARAK

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilangan kempen SEMARAK yang diadakan sehingga 30hb September, 1988 dan sebutkan tarikh-tarikh dan tempat-tempat di mana kempen ini diadakan;
- (b) jumlah wang yang dibelanjakan bagi setiap kempen tersebut; dan

- (c) sama ada peruntukan kewangan itu datang dari Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri-negeri dan sekiranya dari Kerajaan Pusat nyatakan Kementerian yang mengeluarkan peruntukan itu.

12-10-88

27. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk kempen SEMARAK;
- (b) berapakah jumlah wang lagi yang akan dibelanjakan bagi kempen SEMARAK; dan
- (c) berapa lamakah kempen SEMARAK akan diadakan.

20-10-88

34. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah wang keseluruhannya yang telah dibelanjakan untuk Kempen SEMARAK setakat ini. Dan sejauh manakah Kempen ini telah memberikan sumbangan kepada kepentingan negara.

26-10-88

27. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Penerangan menerangkan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan perayaan SEMARAK setiap tahun. Adakah perayaan tersebut telah mencapai objektifnya. Seterusnya apakah program-program pihak Kementerian di masa akan datang agar perhubungan di antara rakyat dan pemimpin sentiasa terjamin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam

mengenai Gerakan SEMARAK saya memohon Tan Sri agar saya dapat jua menjawab pertanyaan-pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana menyentuh perkara-perkara yang sama:

Ahli	Tarikh Pertanyaan dikemukakan
Yang Berhormat dari Gaya	12-10-88
Yang Berhormat dari Jelutong	20-10-88
Yang Berhormat dari Semporna	26-10-88

Gerakan SEMARAK telah pun diadakan dengan jayanya di beberapa buah negeri sehingga 30-9-88, pada tempat dan tarikh seperti berikut:

Negeri	Tarikh	Tempat
Kelantan	6-3-88	di Lubuk Jong, Rantau Panjang
Perlis	10-4-88	di Batu Pahat
Perak	15-4-88	di Kampung Gajah
Selangor	5-6-88	di Sungai Besar, Sabak Bernam
Sarawak	3-7-88	di Kampung Gita, Kuching
Melaka	21-8-88	di Padang Bandar Hilir
Kedah	27-8-88	di Sik
Pulau Pinang	3-9-88	di Ampangan Mengkuang, Bukit Mertajam
Negeri Sembilan	10-9-88	di Air Kuning, Tampin

Pada tiap-tiap tempat ianya diadakan seramai 50,000 hingga lebih 100,000 rakyat telah turut hadir yang menunjukkan sambutan betapa besarnya sambutan rakyat terhadap gerakan itu.

Berhubung dengan belanja yang telah digunakan perlu ditegaskan bahawa belanja itu datangnya dari berbagai sumber iaitu dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan juga sumbangan dari pihak swasta dan orang ramai. Belanja dari Kerajaan Pusat dan Negeri kebanyakannya merupakan wang yang sedia diperuntukkan oleh Kerajaan bagi projek-projek kecil pembangunan di Peringkat Negeri dan Kawasan yang

berkenaan. Jumlah belanja terlibat adalah seperti berikut:

Kerajaan Persekutuan . .	\$ 150,040.48
Kerajaan Negeri	\$1,531,539.00
Individu, swasta, persatuan-persatuan yang tertentu	\$ 165,447.00
	<hr/>
	\$1,847,026.48

Kerana kebanyakan belanja dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri itu adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan kecil yang sedia mempunyai peruntukan, maka tidaklah dapat disenaraikan punca-puncunya secara terperinci. Projek-projek itu termasuklah mendirikan atau memperbaiki dewan masyarakat, jambatan, jalan-jalan kampung, membersihkan kawasan, memajukan industri-industri kecil, meningkatkan kegiatan-kegiatan kebudayaan tempatan dan riadah dan lain-lain.

SEMARAK setakat ini telah dijalankan di peringkat Negeri walaupun sudah ada juga Mini SEMARAK yang diadakan di masa-masa akan datang, insya Allah SEMARAK akan diadakan juga di peringkat Kawasan Parlimen dan Daerah-daerah.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada angka sebanyak \$1.8 juta lebih yang telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan ke atas kempen SEMARAK, adakah angka ini termasuk wang yang dibelanjakan untuk penyiaran TV dan Radio oleh kerana air time pun mahal. Kalau boleh, berapa wang yang sepatutnya diambil kira juga. Kalau diambil kira, berapa jumlahnya?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi

adalah merupakan angka-angka bagi tujuan pembangunan di kawasan-kawasan yang berkenaan. Menyentuh apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tentang perbelanjaan Radio dan TV, perbelanjaan ini adalah merupakan satu perbelanjaan biasa bagi perkhidmatan umum yang seringkali kita laksanakan di mana-mana.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di Majlis SEMARAK dan juga Menteri Besar di peringkat negeri, yang pasti berucap ialah Menteri Penerangan. Apakah sebab Menteri-menteri lain tidak dibenar atau diberi peluang berucap di Majlis SEMARAK tersebut? Dan yang kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan SEMARAK di Lubuk Jong, apakah benar harga pulut belum lagi selesai?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, program SEMARAK yang kita laksanakan oleh Kementerian Penerangan adalah pelaksanaan yang begitu teliti bagi kepentingan rakyat umum. Jadi, soal siapa yang bercakap dan siapa yang tidak bercakap itu ialah menurut penyusunan program, menurut penyesuaian yang patut pada waktu itu. Dan sudah tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin utama kita sudah tentu beliau berhak untuk bercakap dan Menteri Besar sebagai pemimpin utama di peringkat negeri, sebagai orang yang kedua. Dan di beberapa tempat, Menteri Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan SEMARAK itu, rasanya amat patut untuk beliau berucap.

Yang kedua, masalah harga pulut, sebenarnya harga pulut itu adalah merupakan hadiah daripada orang-orang kampung di kawasan Rantau

Panjang pada hari itu. Dan masalah harga pulut yang dikatakan tidak bayar, ini adalah merupakan satu fitnah besar yang sering dibawa oleh golongan-golongan yang tertentu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Apakah Yang Berhormat sedar. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab, ada dakwaan kalau tidak bayar harga pulut akan dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua; soalan tambahan. Kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah lupa soalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Adakah saya perlu bercakap?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba keluarkan soalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalannya senang. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita buat SEMARAK, dan SEMARAK ini bagus, sebab telah dapat memupuk semangat pemimpin bersama rakyat,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sila keluarkan soalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalannya, apakah kita bercadang untuk menjemput juga pemimpin Bebas dan DAP supaya menyertai kita supaya mereka mesti buktikan yang mereka juga pemimpin bersama

rakyat, duduk dalam Dewan ini, makan elaun yang sama. Adakah kita cadangkan berbuat demikian hendak tunjukkan mereka juga menyokong kita. Yang Kedua, kita lihat terdapat juga SEMARAK yang telah dibuat oleh pemimpin Pembangkang dan juga Bebas. Saya ingin bertanya siapa yang membelanjakan, daripada peruntukan kewangan mana yang mereka dapat membuat SEMARAK yang bukan dibuat oleh Kerajaan?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa SEMARAK yang disempurnakan oleh Kementerian Penerangan ini bukan hanya setakat ini sahaja. Ia akan turun ke peringkat negeri, ke peringkat jajahan ataupun daerah, ke peringkat mukim, sehingga ke peringkat kampung dan sudah tentu di antara pemimpin-pemimpin yang ikhlas, pemimpin-pemimpin yang jujur boleh diambil kesempatan ke arah meningkatkan persefahaman di antara rakyat sesama rakyat dan di antara rakyat dengan pemimpin dan juga di antara pemimpin sesama mereka. Jadi, sudah tentu kesannya kita dapat lihat memberi faedah sekali kepada kita. Dan kita harap semua pihak dapat memberi sokongan.

Bagi soalan yang kedua tentang SEMARAK yang dilakukan oleh golongan yang kedua, pada hemat saya itu bukan SEMARAK dan saya tidak pun pernah mendengar dan tidak ada sesiapa pun yang mengiktiraf bahawa gerakan semua itu sebagai apa yang dikatakan kegiatan SEMARAK, tetapi saya tidak dapat menafikan bahawa perjumpaan mereka juga mendapat sambutan dan sudah tentu memakan belanja yang banyak dan kita pun tidak tahu perbelanjaan itu datang daripada mana. Setakat ini kita tidak bercadang hendak menyiasat daripada mana datangnya perbelanjaan itu.

PEMBANGUNAN UMAT ISLAM

12. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah sambutan golongan ulama, pemimpin-pemimpin masyarakat dan seluruh umat Islam terhadap seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pusat Islam pada 3-8-1988 ketika berucap di perhimpunan Guru-guru Agama, Takmir Masjid supaya menggunakan pendekatan Islam dengan bijaksana untuk menyedar dan menyatupadukan umat Islam juga membangunkan umat Islam supaya mampu memelihara Agama dan diri mereka; dan
- (b) mengapa dirasakan perlu satu pendekatan atau kaedah yang berkesan dalam membangunkan generasi Islam yang sempurna.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusuf bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, semua ulamak dan masyarakat Islam di negeri ini menyambut baik seruan Amat Berhormat Perdana Menteri dan semuanya bersetuju saranan itu wajar diamalkan. Ini adalah satu kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan tidak ada setakat ini suara dari mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Mengenai dengan perkara yang kedua, pembangunan walau dalam apa bidang sekalipun adalah merupakan satu proses kerja yang berterusan. Oleh itu, penilaian dan pembentukan kaedah baru, strategi baru dan pendekatan baru adalah dibuat dari semasa ke semasa sebagai satu proses dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan ini termasuklah dalam bidang

pembangunan umat Islam di negara ini.

PERTUBUHAN AKAUNTAN MIA DAN MACPA

13. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan apakah keputusan yang diambil oleh Kerajaan setakat ini berhubung dengan cadangan Institusi Akauntan Malaysia (MIA) dan Persatuan Akauntan Umum Malaysia supaya kedua-dua badan profesion ini disatukan untuk mengelakkan sebarang perselisihan pendapat di antara ahli-ahli profesion ini. Apakah punca dan sebab perselisihan ini dan nyatakan baik buruknya jika kedua-dua badan ini disatukan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan pada 17hb Julai, 1985 bahawa Institut Akauntan Malaysia (MIA) terus kekal sebagai sebuah badan berasingan untuk mengawas Persatuan Akauntan Umum Malaysia (MACPA) dan lain-lain pertubuhan perakaunan profesional di negara ini bagi memastikan bahawa mutu dan kepakaran perakaunan di negara ini terus terjamin. Oleh itu, soal penyatuan antara MIA dengan MACPA tidak timbul.

Tujuan Akta Akauntan 1967 mewujudkan MIA adalah untuk ianya mengawas, mengawal dan menyelaras profesion perakaunan supaya hak-hak orang awam diberi perlindungan dan mutu profesionalismenya terutama berkenaan dengan perakaunan dalam negara terjamin.

Sebagai sebuah badan pengawas, pengawal dan penyelaras profesion perakaunan, MIA tidak bersaing dengan mana-mana pertubuhan di bawahnya dan ianya juga tidak perlu bergabung dengan mana-mana pertubuhan lain untuk melaksanakan Akta Akauntan 1967 itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 14 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH

3. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan satu jawatankuasa pendidikan moral yang diketuai oleh Dr Tan Tiong Hong sebagai Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu telah ditubuhkan pada beberapa tahun yang lalu untuk menyelaraskan pelaksanaan pendidikan moral di sekolah-sekolah:

- (a) adakah jawatankuasa tersebut masih berfungsi;
- (b) jika ada, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan moral di sekolah; dan
- (c) jika tidak, apakah sebabnya.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Dr Tan Tiong Hong berfungsi untuk memberi nasihat apabila diperlukan oleh Y.B. Menteri.

Jawatankuasa tersebut masih berfungsi dan khidmat nasihat jawatankuasa ini akan terus diminta. Jawatankuasa Penasihat Pendidikan moral telah mengemukakan beberapa cadangan dan pandangan tentang pelaksanaan pendidikan moral yang kini telah dilaksanakan.

PENAGIHAN DAN PENGEDARAN DADAH

14. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah yang

tercapai dalam memerangi wabak penagihan dadah di dalam dan di luar negeri sejak Perdana Menteri diterima jadi pemimpin memerangi dadah sedunia; dan apakah sambutan dan tindakan yang dijalankan oleh kerajaan-kerajaan lain dalam menyahut seranan Perdana Menteri itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk maklumat Yang Berhormat, Persidangan Antarabangsa Mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah di mana Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia dipilih sebagai Pengerusi Persidangan hanya berlangsung di Austria pada bulan Jun 1987. Persidangan ini bertujuan untuk menimbulkan komitmen politik semua negara berkenaan dan menghasilkan satu garis panduan mengenai arah tindakan masa hadapan yang komprehensif dalam berbagai bidang tindakan anti dadah bagi dijadikan panduan oleh semua negara untuk merancang tindakan anti dadah jangka panjang masing-masing.

Untuk mencapai matlamat ini, kebanyakan negara peserta sedang mengambil tindakan bagi melaksanakan rancangan tindakan pengawalan dan pencegahan dadah yang sesuai dengan keperluan masing-masing. Mereka telah mula menunjukkan aliran pemikiran untuk mengenakan hukum-hukum yang lebih berat ke atas pengedar-pengedar dadah berbanding dengan hukuman-hukuman yang terdapat dalam undang-undang yang sedia ada. Tindakan juga telah diambil oleh kebanyakan negara untuk menyokong dan mematuhi di peringkat kebangsaan kehendak-kehendak kedua-dua konvensyen antarabangsa mengenai dadah yang sedia wujud iaitu "Single Convention On Narcotic Drugs, 1961" dan "Convention on Psychotropic Substances, 1971", serta membantu agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan dalam

mempertingkatkan usaha-usaha pengawalan dan pencegahan dadah.

Kesedaran dan aliran pemikiran yang sama juga boleh dilihat dalam persidangan-persidangan antarabangsa dan badan-badan serantau yang lain. Contohnya Persidangan Negara-negara Islam (OIC) yang akan diadakan dalam bulan ini di mana perkara dadah mula diperkenalkan dan dimasukkan dalam agenda mesyuarat buat kali pertamanya.

Di Malaysia, kesungguhan dan kegigihan dalam melaksanakan program-program tindakan anti dadah telah membawa kepada pengurangan bilangan belia-belia kita dalam penagihan. Bekalan dadah di dalam negara telah mula berkurangan seperti yang dapat dibuktikan dengan peningkatan harga di peringkat kakilima dan pengurangan ketulinan dadah yang dijual kepada penagih-penagih.

Pada prinsipnya semua negara telah memberi sambutan yang baik bagi menyahut saranan Y.A.B. Perdana Menteri. Kebanyakannya telah mengambil tindakan untuk memenuhi perakuan persidangan tersebut. Bagaimanapun adalah sukar untuk melihat kesan-kesan serta-merta persidangan ini dalam jangkamasa pendek dari segi pengurangan kegiatan penagihan dan pendedaran dadah di negara-negara lain.

PEGAWAI TENTERA DARAT DI SEMPADAN IRAN-IRAQ

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah jumlah pegawai Keselamatan kita yang dihantar untuk berkhidmat di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mencapai perdamaian di Iraq-Iran, dan apakah bidang tugas yang diberikan

serta setakat manakah pencapaian yang telah diperolehi sehingga ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Dewan sedia maklum, seramai lima belas (15) orang pegawai tentera darat telah dipilih dan dihantar untuk menyertai Kumpulan Pemerhati Tentera Bangsa-Bangsa Bersatu ke Iran dan Iraq (UNIIMOG) yang dianggotai juga oleh 23 negara yang lain. Kontingen Malaysia adalah di antara 11 buah negara lain yang dikehendaki bertugas di bahagian sempadan Iraq.

15 orang itu mempunyai latarbelakang infantri, dan berpandu kepada kehendak Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia telah memilih seorang Lt. Kol., 7 orang Major dan 7 orang Kapten. Mereka yang terpilih mempunyai pengalaman dan latarbelakang yang bersesuaian.

Bidang-bidang tugas yang mesti dijalankan terkandung di dalam mandat yang ditetapkan oleh Setiausaha Agung PBB dan tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:

- (i) untuk memastikan kedua-dua negara mematuhi gencatan senjata;
- (ii) untuk menyiasat cubaan tidak menghormati gencatan senjata; dan
- (iii) untuk memeriksa, memasti dan menyediakan supaya pengunduran tentera kedua-dua buah negara ke sempadan antarabangsa yang diiktiraf.

Menurut laporan yang diterima, Kumpulan UNIIMOG telah dapat menjalankan tugas-tugas sepertimana yang diamanahkan. Ini bermakna pencerobohan sempadan oleh tentera-tentera Iran dan Iraq telah banyak dapat dikawal.

Patut juga disebutkan bahawa penyertaan Malaysia dalam Kumpulan UNIIMOG itu adalah merupakan satu penghargaan kepada kita untuk menyumbangkan khidmat yang diamanahkan oleh PBB sebagai pemerhati keamanan. Penyertaan kita juga adalah sejajar dengan tanggungjawab dan kesediaan kita bagi menyumbang usaha-usaha untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan antarabangsa. Kita merasa yakin amanah yang diberikan oleh PBB itu dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kita dengan penuh kepakaran dan integriti.

(Soalan. No. 16. Sila lihat jawapan No. 9).

PEGAWAI/KAKITANGAN DI KEM TAHANAN KAMUNTING

17. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) nama-nama, kelayakan, gaji bulanan dan taraf perkhidmatan (sama ada berpencen atau kontrak) setiap kakitangan individu di Unit Pemulihan. Pusat Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping;

(b) sebab-sebab pegawai-pegawai ini mahu tahanan-tahanan ISA di Kem-kem ini membaca ikrar taat setia mereka kepada dasar-dasar Kerajaan sebanyak 3 kali seminggu, yang kemudiannya dikurangkan kepada sekali seminggu baru-baru ini; dan

(c) adakah ianya benar bahawa seorang ahli kakitangan, Haji Ali bin Batullah telah memungut ikrar bertulis menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dari beberapa orang tahanan-tahanan ISA selepas sahaja Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan bahawa parti Perdana Menteri, iaitu UMNO adalah satu pertubuhan tidak sah. Jika ia, nyatakan nama-nama tahanan ISA yang telah menandatangani ikrar bertulis tersebut, sama ada dengan rela hati atau tidak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Butir-butir mengenai pegawai dan kakitangan Unit Pemulihan Kamunting adalah seperti berikut:

<i>Nama Pegawai</i>	<i>Kelayakan</i>	<i>Gaji s.b.</i>	<i>Taraf Perkhidmatan</i>
1. Encik Ismail Yusof ..	Ijazah Sarjana	\$2,210.00	Tetap/berpencen
2. Encik Ng Ngen Hock ..	HSC	2,600.00	Tetap/berpencen
3. Ali bin Abdullah	HSC	1,900.00	Kontrak
4. Ridhuan Ismail	HSC	745.00	Tetap/Berpencen
5. Rahman Hamid	HSC	745.00	Tetap/Berpencen
6. Jailani Tameran	HSC	745.00	Tetap/Berpencen
7. Mohd. Awang Besar ..	HSC	745.00	Tetap/Berpencen
8. Mohd. Shukri Ghani ..	HSC	745.00	Tetap/Berpencen
9. Saadiah Said	HSC	745.00	Tetap/Berpencen
10. Tan Chin Keng	HSC	745.00	Tetap/Berpencen

(b) Acara membaca ikrar adalah merupakan salah satu program pemulihan untuk orang-orang tahanan. Ikrar-ikrar tersebut ialah ikrar Rukunegara, ikrar Kem Tahanan dan menyanyikan lagu Negaraku. Acara ini dilakukan 1-3 kali seminggu yang mana penyertaan orang-orang tahanan tidaklah dipaksakan.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar Pegawai berkenaan telah memungut ikrar bertulis dari beberapa orang tahanan AKDN di Kamunting untuk menyokong pucuk pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri. Apa yang sebenarnya berlaku ialah 2 pucuk surat-surat sokongan yang ditandatangani oleh 24 orang tahanan AKDN itu dipanjangkan kepada pihak berkuasa Kem Tahanan melalui pegawai berkenaan. Sepanjang yang diketahui surat-surat sokongan tersebut dibuat oleh mereka sendiri.

Nama-nama mereka yang menandatangani surat ikrar bertarikh 13hb Februari, 1988 itu adalah seperti berikut:

- (1) Mohd. Farid bin Philip Abdullah
- (2) Mohd. Sabari bin Mahir Abdullah
- (3) Mohd. Arif bin Mansor
- (4) Omar bin Khalid
- (5) Mohd. Ramzi bin Riman Abdullah
- (6) Razali bin Bolhi
- (7) Syed Jaafar bin Hamid atau Syed Jaafar Al-Sagoff

Sementara surat ikrar bertarikh 16hb Februari, 1988

pula telah ditandatangani oleh orang-orang tahanan berikut:

- (1) Lim Koh Tin
- (2) Ibrahim a/l Mamat
- (3) Lee Yin Gin
- (4) Ng Tien Tong
- (5) Tong Saw Tin
- (6) Gan See Chow
- (7) Than Ken Tee
- (8) Shanmuganathan
- (9) Eng Kin Hock
- (10) Yong Pow Choon
- (11) Liew Teik Sun
- (12) Chia Chew Choong
- (13) Chong Kow
- (14) Lee Meng
- (15) Tee Weng Hoi
- (16) Dorai Sulement
- (17) Tan En Kee.

Kedua-dua pucuk surat ikrar tersebut telah dikirimkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri oleh pihak berkuasa Kem pada 5hb Mac, 1988.

LADA HITAM—KAWALAN HARGA

18. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian tersebut untuk mengawal harga lada hitam yang telah merosot sekarang.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan terlebih dahulu iaitu Kementerian Perusahaan Utama tidak mengawal atau menentukan harga lada hitam.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga lada seperti juga harga lain-lain komoditi yang diperdagangkan di pasaran antarabangsa bergantung kepada keadaan permintaan dan bekalan dunia. Oleh itu terdapat keadaan di mana aliran harga lada hitam turunkan mengikut sesuatu "cycle" yang tertentu. Keadaan ini nyata kelihatan di mana harga lada hitam yang merosot sebelum tahun 1985 telah disusuli dengan keadaan harga lumayan yang telah memuncak pada tahun 1987. Di masa-masa kebelakangan ini harga lada hitam telah mulai merosot semula disebabkan peningkatan bekalan di peringkat antarabangsa berikutan pengeluaran berlebihan (bumper harvest) di negara-negara pengeluar lain.

Walau bagaimanapun, menerusi Pertubuhan Lada Hitam Antarabangsa atau International Pepper Community (IPC) Malaysia terus giat mengambil langkah-langkah untuk memajukan industri lada hitam baik dari segi bekalan mahupun permintaan. Dari segi bekalan, IPC mewujudkan satu program menerusi "Skim Harga Minima Export" untuk menstabilkan harga lada hitam. Skim ini bertujuan supaya negara-negara ahli menawarkan lada hitam dengan harga tidak kurang daripada harga minima berkenaan. Di samping itu pihak IPC juga mengadakan program-program galakan pasaran sambil menjalankan kajian-kajian untuk meningkat dan mempelbagaikan penggunaan lada hitam berasaskan makanan mahupun bukan makanan.

Di peringkat kebangsaan menerusi Jemaah Pemasaran Lada Hitam, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah galakan pasaran dan peningkatan mutu bagi memperkenalkan lagi lada hitam keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa. Di samping itu menerusi Jabatan Pertanian dan MARDI

langkah-langkah mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti melalui kawalan mutu dan kawalan penyakit-penyakit pokok terus dipergiatkan.

Kedudukan harga lada hitam akan terus ditentukan oleh keadaan pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan iaitu dengan peningkatan produktiviti dan pengawalan mutu yang baik, industri lada hitam Malaysia akan dapat terus mempertahankan kedudukannya dan mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi terutamanya di dalam keadaan harga yang merosot setelah menikmati keadaan harga yang lumayan selama 3 tahun yang lepas.

NELSON MANDELA DI BAWAH REJIM AFRIKA SELATAN

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab beliau mengamalkan sikap "double standard" di mana beliau dapat mengkritik Kerajaan Afrika Selatan kerana penahanan terus Encik Nelson Mandela sedangkan kritikan-kritikan yang dibuat oleh segolongan Ahli-ahli Parlimen Australia terhadap penahanan Ketua-ketua Parti Pembangkang dan lain-lain di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, beliau anggap sebagai mencampuri hal ehwal dalam Negara Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Y.A.B. Perdana Menteri tidak mengamalkan sikap "double-standard". Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum penahanan terus Encik Nelson Mandela oleh Rejim Afrika Selatan adalah untuk memenuhi dasar "apartheid"nya yang dikutuk oleh seluruh dunia. Dibalikinya, penahanan yang dilakukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah kerana kegiatan-kegiatan yang mencabar kedudukan keselamatan dan kestabilan dalam

negeri. Dalam menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, Kerajaan tidak mengira bangsa, agama, parti maupun kerjaya seseorang itu. Apa yang dititikberatkan ialah kegiatan seseorang yang boleh mengancam keselamatan dan kestabilan negara.

Dengan ini suka dinyatakan bahawa tindakan yang diambil bagi menjamin keselamatan dan kestabilan negara seperti tindakan menahan mereka yang tertentu di bawah Akta yang disebutkan tadi adalah hak negara ini dan orang asing tidak mempunyai hak untuk menentukan tindakan-tindakan kita.

Adalah diharap Ahli Yang Berhormat jangan mengelirukan Dewan ini dengan soalan yang memperkecilkan perjuangan Nelson Mandela itu, dan sekaligus cuba memberi "respectability" kepada kegiatan-kegiatan orang-orang tertentu yang menggugat keselamatan negara ini.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA SANDAKAN

20. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah Islam di Residensi Sandakan, memandangkan keperluan yang mendesak untuk menampung pelajar daripada Sekolah Agama Islam (Rendah) yang sudah sedia wujud di Residensi Sandakan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ada merancang untuk membina sebuah sekolah menengah agama di Residensi Sandakan iaitu Sekolah Menengah Agama Sandakan. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi yang diluluskan oleh Agensi Pusat.

PENGEMBARAN EKONOMI JOHOR DAN SINGAPURA

21. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah ciri-ciri struktural yang akan terlibat di dalam usaha-usaha pengembaran (twinning) ekonomi Johor dan Singapura yang dicadangkan tidak lama dahulu; banyak manakah manfaat ekonomi yang akan didapati hasil dari usaha ini. Dan apakah jaminan dari pihak Singapura mengenai pengambilan terus pekerja-pekerja dari Malaysia.

Perdana Menteri: Strategi pengembaran ekonomi Negeri Johor dengan Republik Singapura adalah salah satu daripada strategi empat serampang yang disyorkan oleh Kajian Pelan Ekonomi Negeri Johor. Kajian tersebut yang dikendalikan oleh sebuah firma perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor masih belum tamat dan sedang dalam pertimbangan Kerajaan Negeri. Strategi ini sebenarnya merupakan konsep awal yang diperakukan supaya pembangunan Negeri Johor menjadi sensitif kepada pembangunan yang berlaku di Republik Singapura, iaitu mengambil faedah daripada pembangunan pesat negara perindustrian tersebut. Setakat ini, cadangan-cadangan yang terkandung dalam Laporan Interim kajian tersebut masih belum dimaklumkan kepada Kerajaan Pusat sama ada untuk dipersetujui atau diterimapakai.

Berdasarkan hal tersebut, huraian lanjut mengenai usaha-usaha pengembaran ini masih terlalu awal untuk diberikan, misalnya, tentang jangkaan manfaat ekonomi yang diperolehi jika syor tersebut dipersetujui untuk dilaksanakan. Di samping itu, tidak ada sebarang jaminan daripada pihak Kerajaan Singapura mengenai pengambilan terus pekerja-pekerja dari Malaysia dan Kerajaan Malaysia sendiri buat

masa ini belum bercadang untuk mengadakan perjanjian khusus dengan Kerajaan Singapura berhubung dengan perkara ini.

KEMALANGAN KAPAL TERBANG—KAWALAN

22. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan sedar bahawa sejak kebelakangan ini sering berlaku kemalangan kapal terbang di seluruh dunia. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian supaya kemalangan seumpama itu tidak menimpa kepada pesawat-pesawat penerbangan baik milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mahupun syarikat-syarikat penerbangan swasta di negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat mengenai langkah-langkah yang diambil bagi mencegah kemungkinan berlakunya kemalangan sama ada bagi pesawat milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atau syarikat-syarikat penerbangan swasta di negara ini. Berkaitan dengan ini, Kerajaan telah pun mempunyai peraturan dan perundangan tertentu untuk memastikan keselamatan operasi penerbangan berada di tahap yang selamat. Peraturan dan perundangan ini termasuk prosedur berkaitan dengan "air-worthiness", pemeriksaan pesawat dan alat kelengkapan, penyelenggaraan dan langkah-langkah keselamatan yang dikenakan ke atas penumpang dan juga kakitangan syarikat-syarikat penerbangan. Selain dari itu, syarikat-syarikat penerbangan juga dikehendaki mematuhi segala prosedur yang ditetapkan bagi keselamatan pengangkutan udara.

Di samping penguatkuasaan peraturan-peraturan dan undang-undang, Kementerian Pengangkutan juga sedang berusaha mempertingkatkan lagi kelengkapan seperti radar kawalan trafik udara, alat-alat pendaratan dan alat-alat pandu arah dalam usaha menentukan penerbangan sentiasa selamat.

TAR JALAN-JALAN DI LUAR BANDAR

23. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kerja Raya menyatakan terdapat beberapa batang jalan package telah dibina dalam kawasan saya oleh pihak JKR lebih dari 10 tahun yang lalu. Jalan-jalan ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa ditarkan, diperbaiki serta dijaga. Jalan-jalan tersebut ialah:

1. Temangan ke Kuala Nal sejauh 12 kilometer.
2. Sg. Durian/RPT Chenulang sejauh 10 kilometer.
3. Batu Bala ke RPT Mengkebang/RPT Sg. Pas dan RPT Chuchoh Putri sejauh 20 kilometer.
4. RPT Temalir ke RPT Sg. Peria sejauh 8 kilometer.
5. Cabang Sok ke RPT Sg. Sok/RPT Chuchoh Putri sejauh 15 kilometer.

Jalan-jalan ini telah pun rosak akibat hakisan banjir/hujan dan pada musim-musim tengkujuh sukar dilalui oleh kenderaan awam bagi mengeluarkan hasil pertanian dan pengangkutan anak-anak sekolah, oleh itu bilakah Kementerian akan mengetarkan jalan-jalan ini untuk kemudahan rakyat luar bandar.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Jalan-jalan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat ialah merupakan jalan-jalan negeri di mana tanggungjawab untuk mengetar

dan menyelenggarakan jalan-jalan tersebut terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim.

Saya telah difahamkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim telah memohon peruntukan untuk mengetar jalan-jalan tersebut di mana peruntukannya telah pun diluluskan bagi kerja-kerja mengetar jalan Cabang Sok ke rancangan pemulihan tanah Sungai Sok/ Rancangan pemulihan tanah Chuchoh Putri sahaja dan kerja-kerja mengetar jalan tersebut sedang dijalankan dan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1988 ini. Bagi jalan-jalan lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerja-kerja mengetar tidak dapat dilaksanakan lagi kerana ketiadaan peruntukan. Walau bagaimanapun saya telah difahamkan bahawa pihak JKR Negeri Kelantan Darul Naim akan membuat kerja-kerja penyelenggaraan biasa bagi menjamin keselamatan jalan-jalan tersebut.

ELAUN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

24. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan mengenai syor menyatukan skim elaun-elaun bagi pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung yang ditugaskan ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya, bilakah skim ini boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya serta menyatakan langkah-langkah lain berhubung dengan integrasi nasional seperti penyerapan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak ke dalam Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan di Semenanjung amnya dan Kuala Lumpur khasnya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan telah pun mengeluarkan Pekeliling-pekeling

Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 dan Bil. 4 Tahun 1988 yang menetapkan kadar elaun-elaun serta pemberian kemudahan-kemudahan bagi pegawai-pegawai yang terlibat dalam pertukaran di antara Wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan ini seperti Elaun Wilayah, Elaun Gangguan serta kemudahan perumahan dan tambang mengunjungi Wilayah asal adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1988.

Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sarawak telah diserapkan ke dalam Perkhidmatan Persekutuan. Bagi Negeri Sabah, Kerajaan Negeri pada prinsipnya telah bersetuju membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang berkhidmat di Jabatan Persekutuan di Sabah memilih untuk bertukar ke Perkhidmatan Persekutuan, seperti persetujuan yang telah dicapai di antara Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sabah.

Dalam urusan pengambilan kakitangan pula, dasarnya adalah terbuka kepada semua calon yang berkelayakan dari semua negeri untuk memohonnya. Selaras dengan itu, calon-calon yang berjaya dilantik akan dikehendaki berkhidmat di mana-mana saja Jabatan atau agensi Kerajaan, melainkan Kumpulan C dan D kerana mereka boleh ditempatkan di luar Sabah dan Sarawak atas persetujuan mereka saja. Dengan adanya langkah-langkah yang disebutkan ini, diharap matlamat integrasi nasional akan tercapai.

CUTI UMUM TARIKH PENUBUHAN MALAYSIA

25. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersedia mengisytiharkan 16

September sebagai cuti umum bagi seluruh Negara bagi memperingati pengwujudan Malaysia, dan juga memandangkan bahawa tarikh ini lebih mencerminkan tarikh sebenar pembentukan Malaysia, 31 Ogos hanyalah tarikh kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak bercadang untuk mengisytiharkan 16 September sebagai hari kelepasan am untuk memperingati tarikh penubuhan Malaysia. Walau bagaimanapun Kerajaan berhasrat mengadakan aktiviti-aktiviti bersifat perpaduan daripada tarikh 31 Ogos sehingga 16 September, sebagai memperingati penubuhan Malaysia.

PEMECATAN KETUA HAKIM NEGARA/HAKIM

26. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan tindakbalas tempatan dan luar negeri selepas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, serta lima orang hakim mahkamah Agung digantung dan juga selepas Tun Salleh Abas dipecat; apakah tindakan terhadap sistem kehakiman di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Pemecatan Ketua Hakim Negara dan penggantungan 5 orang hakim mahkamah Agung telah diputuskan baru-baru ini adalah mengikut proses undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman, Kerajaan memang menyedari reaksi-reaksi dari orang ramai mengenai perkara tersebut. Tetapi terdapat golongan-golongan tertentu sengaja tidak mahu memahami tentang keadaan dan sebab-sebab yang sebenar mengenai perkara tersebut. Manakala dari luar negeri kita tidak menafikan ada

golongan-golongan yang mengkritik tindakan tersebut. Walau bagaimanapun perwakilan-perwakilan kita di luar negeri telah pun mengambil langkah sewajarnya untuk memberi gambaran yang objektif ke atas tindakan yang diambil itu berdasarkan kepada undang-undang negara ini. Penjelasan-penjelasan yang diberi oleh perwakilan-perwakilan kita di luar negeri itu telah meletakkan mereka dalam perspektif yang betul.

Secara umum keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman di negara ini tidak terjejas dan tidak sepatutnya terjejas akibat daripada tindakan yang telah diambil terhadap Tun Salleh Abas serta lima orang hakim Mahkamah Agung. Jika pun ada, pihak-pihak yang mencurigai tentang kesan tindakan itu terhadap kewibawaan pihak kehakiman, ini adalah kerana mereka tidak memahami atau tidak mahu memahami keadaan yang sebenarnya. Oleh yang demikian tidaklah berbangkit soalan berkaitan dengan apakah tindakan yang perlu diambil untuk memulihkan orang ramai terhadap sistem kehakiman di negara ini.

KETUA HAKIM NEGARA/HAKIM— PENUBUHAN TRIBUNAL

27. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk menyediakan panduan-panduan baru bagi menyelenggarakan penubuhan serta pengendalian tribunal yang ditubuh untuk menyiasat dakwaan-dakwaan terhadap Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim yang lain, atau tidak;
- (b) jika tidak, mengapa. Bolehkah ini bermakna bahawa sebarang prosedur yang diikuti oleh sesuatu tribunal yang pernah

ditubuhkan akan menjadi precedent kepada tribunal-tribunal lain pada masa hadapan, apabila keperluan ini timbul. Dengan ini, tidakkah Kerajaan yakin bahawa garis-garis panduan kasar bagi tribunal lain yang mungkin perlu ditubuhkan pada kemudian hari; dan

- (c) jika panduan baru akan disediakan, maka, apakah kriteria-kriteria yang akan diguna untuk merangka serta mengendalikan proses perjalanan tribunal berbentuk sebegini. Siapakah yang akan ditugaskan untuk menyediakan garis-garis panduan tersebut.

Dato' Oo Gin Sun:

- (a) Tidak.
- (b) Perkara 125 (4) Perlembagaan Persekutuan memperkatakan keanggotaan dan siapakah yang akan menjadi pengerusi sesuatu tribunal yang ditubuhkan di bawah fasal 125 (3). Terpulanglah kepada tribunal yang telah ditubuhkan untuk menetapkan prosedur yang akan diikuti oleh tribunal itu. Pada pandangan saya, prosedur yang telah ditetapkan dan diikuti oleh tribunal yang lepas adalah munasabah dan berpatutan. Saya tidak dapat menentukan sama ada prosedur yang telah ditetapkan oleh sesuatu tribunal yang wajib diikuti oleh tribunal-tribunal yang kemudian oleh kerana saya tidak berkuasa ataupun kompeten memutuskan hal ini. Terpulanglah kepada tribunal berkenaan memutuskannya.
- (c) Jawapan tidak perlu kerana jawapan bagi (a) adalah tidak.

**MENTERI-MENTERI SABAH—
SIASATAN JABATAN HASIL
DALAM NEGERI**

28. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Kewangan memberi penjelasan kepada pertanyaan yang telah saya kemukakan di mesyuarat Parlimen yang lalu (soalan No. 15 tanggal 27-6-1988) tapi tiada berjawab sama ada menerusi jawapan Mulut atau secara Bertulis hingga pada masa ini tentang serbuan yang dibuat oleh Pegawai Persekutuan yang dikatakan daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri di rumah kediaman 4 orang Menteri Kerajaan Sabah—iaitu Y.B. Datuk Mark Koding—Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Y.B. Datuk Chua Tet On—Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri, Y.B. Datuk Joseph Kurup—Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Kerja Raya, Y.B. Datuk Bernard Dompok—Menteri Kewangan Negeri serta tiga orang lain pada awal-awal pagi 26-4-1988:

- (a) apakah asas atau alasan yang digunakan oleh Pegawai berkenaan untuk menyiasat para Menteri Negeri berkenaan;
- (b) mengapakah penyiasatan serupa itu tidak dibuat secara menyeluruh atau sekurang-kurangnya meliputi semua pemimpin yang pernah menjadi Menteri Kerajaan Negeri sejak Sabah mencapai kemerdekaan dan sekarang ini;
- (c) mengapakah cara penyiasatan tersebut dijalankan dengan begitu kasar sekali, kejam dan bengis dengan tingkah laku yang jelas kelihatan seolah-olah begitu membenci dan memusuhi terhadap Menteri-menteri berkenaan/tuan-tuan punya rumah dan isteri-isteri mereka;

- (d) adakah itu menunjukkan bahawa para Pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri itu tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat biasa sehinggakan mereka tidak tertakluk kepada dasar "Kepimpinan Melalui Tauladan"; dan
- (e) adakah cara penyiasatan sedemikian itu difikirkan dapat membantu usaha kita untuk mempercepatkan integrasi nasional.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ingin saya memaklumkan bahawa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Y.B. Tuan Maidom bin Pansai itu telah pun dijawab di Dewan ini di mesyuarat Parlimen yang lalu pada 27 Jun 1988 serentak dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Y.B. Tuan Fung Ket Wing, Y.B. Dr Patau Rubis dan Y.B. Tuan Gerard Math Lee Min.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN DAN PELUASAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973; dibawa ke

dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (10hb Oktober, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

3.36 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya di dalam perbahasan berhubung dengan Akta Imigresen 1959-1963 yang dibentangkan dalam Dewan ini. Sebagaimana yang saya katakan pada hari semalam dalam ucapan saya sebelum saya mengakhiri, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Jabatan Imigresen dan juga kakitangannya yang telah mengambil daya usaha yang begitu tegas untuk menyiasat dan mengambil tindakan kepada mereka yang telah tamat tempoh lawatannya atau visa mereka di negara ini yang mana mereka itu masih lagi menetap dengan cara bersembunyi untuk tinggal kekal di negara ini dan lebih daripada 40,000 pelawat telah dikenalpasti dan telah pun diambil tindakan.

Dalam tindakan yang dijalankan, saya anggap satu operasi yang begitu menyeluruh yang dijalankan oleh

kakitangan dan Jabatan Imigresen di negara kita dan saya berharap operasi ini akan diteruskan lagi kerana kita dapati masih ramai mereka yang telah tamat tempoh visa mereka tetapi masih tinggal di negara ini. Demikian juga pendatang haram, mereka datang daripada beberapa buah negara jiran kita yang mana mereka tinggal kekal di negara ini.

Dalam operasi itu, Tuan Yang di-Pertua, Pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen menghadapi risiko yang begitu tinggi dari segi keselamatan mereka dan dengan sebab itu, saya suka mencadangkan supaya pasukan petugas ataupun unit penguatkuasa Jabatan Imigresen ini diperlengkapkan dengan alat senjata yang cukup moden bagi mereka itu menjalankan operasi untuk menyelamatkan diri mereka daripada tindakbalas daripada mereka yang disoalsiasat ataupun tindakan yang mereka akan ambil untuk memastikan pendatang haram yang tinggal di negara ini dapat diambil tindakan mengikut undang-undang negara kita.

Dan begitu juga saya dapati unit penguatkuasa Jabatan Imigresen sendiri tidak mempunyai satu peraturan atau undang-undang yang membolehkan Jabatan Imigresen mengadakan sekatan-sekatan jalan raya sepertimana yang diadakan oleh Polis untuk mengatasi soal pendatang haram ini. Kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, pihak Imigresen ini hanya mengadakan sekatan jalan raya melalui atau tumpang bersama dengan operasi pihak Polis di jalan-jalan raya sahaja kerana mereka tidak diberi kuasa untuk mengadakan sekatan jalan raya yang bersendirian.

Jadi ini juga menjadikan satu perkara yang penting kerana sekiranya pihak Jabatan Imigresen tidak diberi kuasa untuk mengadakan sekatan jalan raya maka menjadi satu kesukaran

kerana mereka terpaksa meminta pertolongan daripada pihak Polis ataupun lain-lain jabatan apabila mereka hendak mengadakan sekatan jalan raya bagi mengawasi mereka yang lari daripada mendapat kebenaran seperti visa untuk tinggal di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam angka kedatangan pelawat-pelawat asing di negara kita ini, kita dapati dari setahun ke setahun begitu kurang dan mungkin ini ada beberapa sebab terutama sekali bagi negara-negara jiran walaupun pada pandangan kita, kita nampak ramai pelawat-pelawat asing yang datang ke negara ini terutama sekali dari negara jiran kita seperti Indonesia, Filipina, Thailand, Burma, Bangladesh dan lain-lain yang begitu ramai di negara kita ini. Dan ada setengahnya pula diberi kesempatan untuk bekerja di negara kita ini sama ada sebagai buruh, tukang masak ataupun pembantu rumah dan sebagainya. Maka ini menghalangkan mata pencarian penduduk tempatan.

Maka dalam segi angka kedatangan mereka ini yang datang melalui cara yang halal sama ada melalui laut, udara ataupun melalui darat, perangkaan yang kita dapat, sentiasa berkurangan, misalnya:

DATANG MELALUI

Tahun	Laut (Orang)	Darat (Orang)	Udara (Orang)	Jumlah (Orang)
1985	429,275	14,033,461	1.8 juta	16,321,543
1986 (telah menurun)	393,280	11,786,067	1.7 juta	13,009,655

Ini angka-angka yang saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan kedatangan pelawat-pelawat asing ke negara kita melalui jalan laut, udara dan juga darat. Ini membebaskan sedikit sebanyak tugas dan tanggungjawab para pegawai Imigresen di dalam soal untuk mengawasi dan juga melihat kepada

pelawat-pelawat asing ini dari satu segi. Satu segi yang kedua pula ialah kedatangan pelawat-pelawat ini sebagaimana yang saya sebutkan awal-awal tadi ada yang mereka datang ini tanpa kebenaran ke negara kita. Maka dengan sebab itulah, sebagaimana saya katakan tadi saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk memberi kuasa yang lebih kepada Ketua Pengarah Imigresen dan juga pegawai-pegawainya dalam menjalankan tugas dan kewajipan mereka supaya kita dapat menerima pelawat-pelawat asing ke negara kita ini dan juga dapat mengawasi pelawat-pelawat yang datang ke negara ini, maka itu adalah menjadi tanggungjawab dan perluasan kuasa yang diberi Rang Undang-undang ini menunjukkan perhatian kita betapa pentingnya kerana kedatangan pelawat-pelawat asing ini ada hubungkaitnya dengan kemasukan pelancong-pelancong ke negara kita dalam beberapa segi.

Kalau kita tidak mengawasi dari segi keselamatan negara kita melalui Imigresen ini, mungkin pelancong-pelancong sendiri tidak sanggup untuk datang melawat ke negara ini oleh kerana banyak atau ramainya pelawat-pelawat asing atau pendedatang-pendedatang asing daripada negara jiran yang sering melakukan sesuatu yang merosakkan sama ada merosakkan perpaduan negara kita ataupun menjalankan fahaman-fahaman yang tertentu sama ada dari segi keagamaan ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sentuh ialah pengawasan pelawat-pelawat yang datang ke negara ini. Kita mungkin tidak tahu dari segi latar belakang yang sebenar sesiapa sahaja yang datang ke negara kita ini sama ada mereka itu menggunakan visa ataupun pasport yang betul-betul halal yang telah diiktiraf ataupun yang telah dapat kelulusan daripada Kerajaan mereka yang datang daripada luar

ataupun mereka itu menggunakan pasport-pasport yang palsu. Ini juga perlu dan saya berharap Jabatan Imigresen diperlengkapkan dengan alat-alat yang moden yang boleh mengesan. Kerana pada masa ini bukan sahaja daripada luar negeri bahkan di dalam negeri pula kita sendiri menerima banyak barang-barang tiruan seperti menggunakan pasport dan kad pengenalan yang palsu sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam. Maka tidak mustahil bagi pasport antarabangsa yang digunakan di peringkat negara lain untuk masuk ke negara ini digunakan juga. Jadi, dengan itu bagaimana cara kita dapat mengenalinya? Kadangkala orang itu niatnya lain, bukan sahaja niat dia untuk melancong ke negara kita tetapi ada niat, perkara yang tidak baik untuk menjadi penghasut yang datang ke negara kita ataupun untuk sesuatu tujuan seperti untuk mendapatkan maklumat dan rahsia negara kita dan banyak perkara-perkara ini kemungkinan besar akan dilakukan. Maka ini menjadi tugas dan tanggungjawab Jabatan Imigresen untuk menentukan niat kedatangan mereka itu, bila tempoh mereka habis dan sebagainya.

Maka bersesuaian benarlah dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini semalam dan dengan itu saya memberi sokongan penuh semoga kawalan keselamatan negara kita dapat dilakukan terutama sekali oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Imigresen ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah baru-baru ini dalam operasi penangkapan pendedatang-pendedatang haram, saya sendiri melihat secara kebetulan, satu hari saya datang ke Jabatan Imigresen di Kota Bharu yang mana di luar jabatan itu penuh dengan pendedatang-pendedatang

haram yang ditangkap. Tidak ada tempat yang hendak disimpankan mereka ini sebagai tempat tahanan, cuma pihak Imigresen mendapat kerjasama daripada Polis untuk menggunakan penjara kerana mereka ini akan ditahan buat sementara sebelum mereka ini diambil tindakan sama ada dihantar pulang dan sebagainya.

Maka saya mencadangkan agar perkara ini dapat diberi perhatian yang serius iaitu supaya Jabatan Imigresen juga mempunyai depo-depo tahanannya sendiri, bukan sahaja di peringkat di Kuala Lumpur tetapi juga depo tahanan ini di Jabatan-jabatan Imigresen terutama sekali di kawasan bersempadan dengan negara-negara jiran. Kalau kita menjalankan operasi atau mendapat tangkapan dan sebagainya depo yang berbentuk tempat tahanan sementara ini boleh digunakan dan menjadi hak Jabatan Imigresen itu sendiri.

Bagi pekerja-pekerja yang tidak mempunyai permit masuk atau permit kerja (work permit) juga dapat diambil perhatian sebagaimana yang saya katakan tadi kerana ini juga menghalang pekerja-pekerja tempatan atau buruh-buruh tempatan yang tidak ada pekerjaan ataupun pembantu rumah, tukang basuh, tukang masak dan sebagainya kerana didapati banyak restoran, faktori ataupun kilang yang menggunakan pekerja dan pembantunya daripada rakyat asing. Ini juga akan memberi satu risiko yang dihadapi oleh penduduk negara kita sendiri yang tidak dapat pekerjaan yang sebenarnya kerana keutamaan diberi kepada pendatang-pendatang daripada luar negeri. Walaupun kita kata pendatang-pendatang itu diberi gaji dengan begitu murah tetapi penduduk tempatan, rakyat negeri ini tidak mahu bekerja kerana gajinya ditawarkan murah dan sebagainya, tetapi biarlah kesempatan itu diberi

peluang kepada penduduk-penduduk tempatan yang dahagakan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak sambungan kepada ucapan saya semalam dan dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari semalam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap.

3.52 ptg.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan pindaan Akta Imigresen 1959-1963 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari kelmarin. Di dalam pembentangan Yang Berhormat, beliau telah menyebut tentang perlunya peruntukan-peruntukan baru dimasukkan dan pindaan-pindaan lain dibuat di dalam Akta ini di atas sebab bahawa Akta ini sudah tidak sesuai lagi dan kita diberitahu juga bahawa lebih dari dua dekad Akta ini berkuatkuasa tanpa penyesuaian dengan keadaan-keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekali pandangan ke atas pindaan-pindaan yang dibuat, kita dapati tujuan pindaan adalah semata-mata untuk menambahkan lagi keupayaan Jabatan Imigresen menjalankan kerjanya. Misalannya, Akta lama tidak mempunyai peruntukan-peruntukan yang cukup dan lengkap untuk membolehkan kerja-kerja penyiasatan dan pendakwaan dilakukan dengan licin. Maka pindaan-pindaan pada seksyen-seksyen tertentu dibuat untuk membolehkannya di dalam pindaan yang dibentangkan ini. Walaupun ketiadaan peruntukan-peruntukan yang diperlukan itu sebelum dari pindaan-pindaan ini, saya ingin

memberi penghargaan yang tinggi kepada Jabatan Imigresen yang telah menjalankan kerja-kerjanya dengan cekap dan lancar. Semoga dengan adanya pindaan-pindaan ini mereka akan dapat menunjukkan prestasi yang lebih tinggi lagi tahapnya di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah alasan untuk pindaan yang diberi hanya untuk meningkatkan keupayaan kerja Jabatan Imigresen, maka pindaan-pindaan yang dikemukakan hanyalah merupakan pindaan-pindaan yang statis. Apa yang saya ingin utarakan di Dewan yang mulia ini ialah Kementerian perlu mengambil kira faktor-faktor lain yang dinamis di dalam merangkakan dasar imigresen kita seperti perubahan-perubahan ke dalam keadaan ekonomi dan sosial pada satu-satu jangkamasa. Misalnya, di dalam proses pembangunan ekonomi negara, ke arah ekonomi perindustrian yang berpusat di bandar, kos melepasi ataupun, dengan izin, opportunity cost of labour atau kos melepasi tenaga buruh penduduk-penduduk desa menjadi rendah di dalam sektor pertanian iaitu sektor desa. Maksudnya, pekerjaan di dalam industri pembuatan di bandar adalah mendatangkan pendapatan yang lebih lumayan dari bekerja sebagai petani dan buruh ladang di desa, maka berlakulah penghijrahan ke bandar dan berlakulah peristiwa ketiadaan tenaga buruh tempatan di dalam sektor padi pada umpamanya, sektor tebu, sektor getah, sektor kelapa sawit dan lain-lain lagi dan juga berlakulah peristiwa-peristiwa tanah ladang yang terbiar di desa-desa yang menjadi-jadi di negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, proses pembangunan ekonomi ini mesti diperakui dan diterima oleh Kerajaan sebagai satu proses yang tidak dapat dielakkan kerana negara mempunyai matlamat pembangunan ekonomi yang ditunjangi oleh industri pengeluaran

barang-barang siap yang akan dieksport dan barang-barang ini perlu mempunyai daya saingan yang kuat untuk mendapat tempat yang kukuh di pasaran dunia. Oleh itu kita sangat-sangat memerlukan buruh-buruh ladang yang murah dari negara-negara jiran, seperti Indonesia, Thailand dan Filipina untuk datang bekerja di tempat-tempat yang ditinggalkan oleh buruh-buruh tempatan kita yang berhijrah ke sektor yang lebih lumayan yang saya sebutkan tadi dan yang lebih sophisticated teknologinya, iaitu di bandar.

Justeru itu, satu dasar imigresen yang liberal patut dianuti. Saya takut dengan adanya peruntukan-peruntukan baru di dalam pindaan-pindaan ini, kemasukan tenaga-tenaga buruh murah dari negara-negara jiran yang saya sebutkan tadi di dalam sektor pertanian kita yang kekurangan buruh ini akan menjejaskan dan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Saya pasti pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah juga satu riaksi terhadap masalah-masalah sosial yang dibawa oleh buruh-buruh asing, seperti peristiwa menyamun, peristiwa ajaran sesat dan lain-lain lagi masalah-masalah sosial. Kita perlu membanteras semua ini. Tetapi apakah tidak ada jalan lain selain daripada cara memperketatkan seketat-ketatnya prosedur-prosedur imigresen.

Di dalam suasana pembangunan ekonomi sekarang, kita mesti menerima hakikat bahawa tenaga buruh dari negara jiran iaitu tenaga buruh murah untuk sektor pertanian adalah penting dan perlu didapati. Untuk mendapatkannya kita mesti menyenangkan kemasukan mereka dan kita perlu ada sikap positif terhadap mereka. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kajian-kajian mengenai faktor-faktor dinamis yang saya sebutkan tadi, seperti permintaan terhadap tenaga

buruh luar dibuat sebelum ini. Misalnya permintaan tenaga buruh luar untuk sektor padi dan sektor tebu adalah merupakan satu permintaan yang bersifat structural ataupun "structural" iaitu ianya bermusim, ianya berlainan dari permintaan oleh sektor getah atau sektor kelapa sawit. Oleh itu dasar-dasar imigresen yang dibuat mestilah mengikut pola-pola permintaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang saya boleh beri untuk buruh-buruh luar yang hendak bekerja di dalam sektor padi dan tebu perlu diberi kelonggaran yang banyak pada musim-musim menanam dan menuai sahaja dan sebaliknya di sektor getah dan kelapa sawit yang mana permintaan tenaga buruh luar adalah merata, iaitu tidak ada naik turun, maka satu dasar yang memestikan prosedur-prosedur untuk menentukan pendudukan yang lebih tetap mesti diambil dan digubal.

Saya mencadangkan di sini, untuk sektor padi dan tebu, satu sistem yang hanya memerlukan pengenalan diri dan "social visits" sahaja dipakai dan juga untuk mengatasi masalah keselamatan perlu juga dihadkan kebenaran kepada penduduk-penduduk dari wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia seperti Wilayah Pattani dan Setoi sahaja di Thailand. Perlunya ekonomi pertanian kita khususnya di utara Semenanjung terhadap tenaga buruh murah dari Selatan Thailand adalah sangat-sangat dirasai pada masa ini. Saya menyeru Kerajaan janganlah membazirkan wang mewujudkan kumpulan-kumpulan kerja tempatan seperti "Youth Brigade" untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh yang bersifat structural ini. Biarlah tenaga buruh tempatan berhijrah ke tempat-tempat yang kos melepasnya adalah lebih tinggi daripada kos melepas di desa. Masalah pengangguran negara mesti diselesaikan di dalam konteks

pembangunan industri pengeluaran. Ini ialah hakikat sebenarnya di dalam bentuk pembangunan ekonomi yang dipilih oleh negara kita pada masa ini, malah kemiskinan di setengah-setengah wilayah negara ini hanya dapat diatasi melalui penghijrahan penduduk-penduduk dari wilayah itu untuk mengurangkan pergantungan yang amat sangat kepada sumber tanah. Dengan lain-lain kata, Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tenaga buruh di desa adalah masalah imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula mencadangkan supaya dasar imigresen terhadap tenaga buruh di sektor getah dan kelapa sawit diperketatkan syarat-syaratnya kerana penggunaan tenaga buruh di sektor-sektor ini memerlukan pendudukan yang tetap dan penggunaan kemahiran yang tertentu yang mempunyai kesinambungan ataupun dengan izin, "continuity". Buruh-buruh luar kalau sesuai diberi kebenaran tinggal lebih lama melalui "work permit", dengan izin, dari tempoh yang diberi sekarang perlu diberi, ini tentu sekali akan membantu industri ini dari segi ketentuan mendapat tenaga buruh murah yang tetap. Dengan adanya dasar yang agak liberal ini, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan juga masalah-masalah sosial yang dibawa oleh buruh-buruh luar, sepertimana yang saya sebut tadi akan berkurangan walaupun tidak terhapus langsung.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana dan walau apa pun pokok cadangan yang saya beri ini adalah untuk mewujudkan satu dasar yang realistik dan yang sesuai dengan pola dan proses pembangunan ekonomi negara kita. Untuk tujuan ini perlu diadakan kajian oleh Kementerian Buruh atau mana-mana agensi

Kerajaan seperti EPU supaya dapat diadakan satu garis panduan untuk Kementerian Dalam Negeri membuat dasar imigresen seterusnya.

Kita perlu ingat bahawa kedatangan orang-orang asing ke negara kita untuk tujuan ekonomik adalah satu faktor yang penting di dalam proses pembangunan ekonomi kita. Satu sistem yang sangat ketat akan tidak menggalakkan pemasaran keluaran sistem ekonomi kita. Misalnya, pagi tadi seorang pembeli minyak kelapa sawit dari Los Angeles, Amerika Syarikat memberitahu saya bahawa untuk mendapatkan visa masuk ke Malaysia di Pejabat Konsul di Los Angeles adalah amat susah. Banyak sangat soalan-soalan yang ditanya dan akhirnya kelulusan dari Kuala Lumpur terpaksa diminta dan didapati. Gejala ini sangat tidak menggalakkan usaha kita untuk mengeksport barang-barang kita. Sektor eksport kita masih lagi lemah dibandingkan dengan Singapura, misalannya. Persaingan eksport di pasaran dunia bukan hanya bergantung kepada harga dan mutu barangan eksport itu, ia juga sangat-sangat bergantung kepada organisasi eksport itu. Satu faktor dalam organisasi ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sukar atau mudahnya berhubung dengan sumber-sumber barangan di dalam negara kita. Oleh itu dasar imigresen mestilah selaras dengan kehendak ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menyebut satu perkara yang agak mundane tetapi perlu disebut di dalam Dewan ini. Jabatan Imigresen telah pun menjalankan kerja-kerjanya dengan cekap selama ini. Pegawai-pegawai menyambut baik kempen sopan-santun oleh Kerajaan yang dijalankan tidak berapa lama dahulu, tetapi biarlah kesopanan ini berterusan tanpa dikempenkan lagi dan seterusnya biarlah "appearance", dengan izin, Pegawai-pegawai

Imigresen terus diperkemas. Apa yang saya maksudkan ialah dengan diberi uniform baru tidak berapa lama dahulu, iaitu jeket berwarna biru yang dipakai di atas baju putih pegawai-pegawai kita nampak lebih kemas dan bergaya. Saya mencadangkan supaya semua Pegawai-pegawai Imigresen memasang semua butang-butang jeket ini selalu di masa bertugas. Apa yang didapati ialah sebilangan besar pegawai-pegawai membiarkan jeketnya ini terbuka semasa bertugas dan semasa berjalan di dalam tempat bertugas. Ini tentu sekali nampak tidak manis dipandang.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pemakaian topi. Banyak pegawai-pegawai yang saya perhati memakai topi di atas rambut yang panjang. Saya cadangkan harus diadakan peraturan supaya kalau hendak pakai topi, sesiapa pegawai sekalipun mesti berambut pendek supaya topi yang dipakai itu nampak kemas dan elok.

Semoga dengan teguran saya yang ikhlas ini, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah kita menaikkan lagi imej Jabatan Imigresen yang pada masa ini sudah pun tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan-pindaan yang telah dibentangkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.05 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk melahirkan perhatian dan pandangan yang berat mengenai pindaan-pindaan kepada Akta Imigresen yang membekalkan kuasa-kuasa yang meluas, menyeluruh dan mutlak kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk menghalang kemasukan atau kemasukan semula ke

dalam Malaysia mana-mana orang atau golongan orang yang disifatkannya suai manfaat untuk berbuat demikian bagi kepentingan keselamatan awam atau oleh sebab apa-apa keadaan ekonomi, perindustrian, sosial, pendidikan atau keadaan lain di Malaysia. Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang pada hari kelmarin, Akta Imigresen perlu dipinda secara menyeluruh bagi meningkatkan keberkesanan pengawalan dan penyeliaan orang asing yang masuk-keluar dan tinggal di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan awal-awal lagi bahawa pihak kami tidak menentang semakan ke atas Akta Imigresen yang bertujuan untuk menyelaraskan ataupun untuk menutup apa juga kekurangan atau kelemahan yang perlu untuk kepentingan negara kita. Sebagai contoh, kami tidak menentang larangan ke atas seseorang pelawat dari memasuki negara ini atas sebab-sebab keselamatan negara jika misalnya terdapat pengganas-pengganas seperti Tentera Merah Jepun yang hendak masuk ke negara ini bagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang merbahaya. Walau bagaimanapun, apabila membekalkan Ketua Pengarah Imigresen dengan kuasa-kuasa yang meluas, menyeluruh dan mutlak sepertimana yang tersebut dalam Fasal 5 (1) Rang Undang-undang (Pindaan), langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Imigresen itu dijalankan dengan adil dan selaras dengan keadilan semula jadi.

Kami terpaksa melahirkan kebimbangan kami mengenai Fasal 5 (1) Rang Undang-undang ini berkaitan dengan kuasa-kuasa Ketua Pengarah untuk melarang kemasukan atau membatalkan apa juga Pas atau Permit seperti yang diperuntukkan di

bawah seksyen baru 9, dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik (quote) dari Rang Undang-undang ini, iaitu saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada muka 3, Fasal 5 (1), seksyen baru 9 (1) (a), dengan izin, sebab ini dalam bahasa Inggeris, maka saya ingin membaca teks ini.

“9. (1) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act, the Director General may—

(a) where he deems it expedient to do so in the interests of public security or by reason of any economic, industrial, social, educational or other conditions in Malaysia, by order, prohibit, either for a stated period or permanently, the entry or re-entry into Malaysia of any person or class of persons:

Provided that the order made under this paragraph shall not apply to any citizen or to the holder of any valid Pass or Permit;

(b) in his absolute discretion cancel any Pass at any time by writing under his hand; or

(c) cancel any Permit at any time by writing under his hand, if he is satisfied that the presence in, or entry into, Malaysia of the holder of any Permit is, or would be, prejudicial to public order, public security, public health or morality in Malaysia or any part thereof.”.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa jika Ketua Pengarah Imigresen melaksanakan

kuasa-kuasanya di bawah Seksyen 9 baru ini yang telah saya baca tadi dari teks Rang Undang-undang ini, pihak yang terlibat mestilah dimaklumi dengan sebab-sebab keputusannya itu dan dari mana fakta atau sebab itu telah diperolehi supaya pihak yang terlibat boleh merayu menerusi menulis petisyen kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen baru 9 cadangan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen baru 9 (8) Rang Undang-undang Pindaan ini adalah didapati bahawa apa-apa rayuan boleh dibuat menerusi satu petisyen bertulis dengan menjelaskan secara terang dan terperinci sebab-sebab rayuan itu dibuat. Di sini saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada muka 5 Rang Undang-undang ini, Seksyen baru 9 (8) yang pada perenggan akhir ada menyentuh mengenai rayuan-rayuan yang boleh dibuat melalui petisyen secara bertulis kepada Yang Berhormat Menteri. Jika pihak yang terlibat dijangka menerangkan dengan jelas dan terperinci sebab-sebab rayuan, maka dia juga hendaklah dimaklumkan secara terperinci sebab-sebab keputusan Ketua Pengarah untuk membatalkan mana-mana pass atau permit.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pindaan kepada Seksyen ini dalam Akta Imigresen adalah dibuat kerana kes yang melibatkan seorang wartawan asing yang bernama Encik Bethelson dari *Asian Wall Street Journal*, di mana dalam kes itu yang diputuskan pada 4hb November, 1986 Encik Bethelson dari *Asian Wall Street Journal* telah memenangi kes mahkamah apabila Mahkamah Agung telah menolak keputusan Kerajaan untuk membatalkan permit kerja wartawan itu. Dalam keputusannya Ketua Hakim pada masa itu Tun

Salleh Abas berkata Encik Bethelson patut diberi peluang untuk didengar sebelum permitnya dibatalkan oleh Ketua Pengarah Imigresen pada 26hb September, 1986. Tun Salleh menolak keputusan Kerajaan itu kerana, dengan izin, "rules of the natural justice" tidak dipakaikan kerana permit Encik Bethelson dibatalkan atas sebab-sebab keselamatan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan terpaksa mengemukakan pindaan ini di Parlimen bagi membolehkan kuasa-kuasa Ketua Pengarah Imigresen ini tidak boleh dicabar menerusi sebab-sebab keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan Rang Undang-undang ini saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kepada industri pelancongan di negara kita. Dalam saat di mana Kerajaan secara aktif menggalakkan pelancongan dan bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini, Yang Berhormat Menteri berkenaan mestilah memastikan bahawa kuasa-kuasa yang diberikan kepada Jabatan Imigresen akan dilaksanakan dengan adil dan saksama supaya ianya tidak menjejaskan usaha-usaha galakan pelancongan yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan di negara kita. Jika para pelancong asing dilarang secara tidak adil dari memasuki ke negara kita, ini akan melemahkan mereka dari melawat Malaysia dan industri pelancongan kita kelak akan terjejas. Saya ingin meminta satu jaminan dari Kementerian yang berkenaan bahawa mereka akan mengambil perhatian yang serius tentang keperluan untuk menggalakkan pelancongan di Malaysia terutama untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini dan tidak akan menjejaskan industri pelancongan dengan pindaan-pindaan yang drastik ini untuk memberi lebih banyak kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen.

Dalam hal yang sama Kementerian yang berkenaan mestilah juga memastikan bahawa penguatkuasaan pindaan ini tidak akan menjejaskan pelaburan negara seperti menjadikan sukar bagi pelabur asing dan kakitangan teknik mereka yang berada di sini atas pass lawatan atau permit. Kami berpendapat adalah penting bagi Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang serius berkenaan dengan dua aspek yang saya telah sentuh tadi, iaitu aspek pelancongan dan aspek pelaburan, apabila membentangkan kepada Parlimen Rang Undang-undang ini bagi meminta kelulusan pindaan-pindaan yang dicadangkan. Sebenarnya apa yang Kementerian patut lakukan ialah mencari jalan untuk melonggarkan peraturan-peraturan Imigresen untuk membolehkan ataupun memudahkan pelabur asing datang ke Malaysia untuk melaksanakan rancangan-rancangan pelaburan mereka.

Di samping membahaskan aspek mengenai penguatkuasaan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh satu, dua perkara mengenai masalah pentadbiran. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen baik Ibu Pejabat mahupun di kawasan Wilayah Persekutuan yang telah dipindahkan ke bangunan baru di Pusat Bandar Damansara. Walaupun pemindahan ini menimbulkan sedikit kesulitan kepada orang-orang yang berurusan untuk pergi ke sana, tetapi sedikit sebanyak telah melicinkan lagi urusan dan pengendalian Jabatan dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Jika dibandingkan dengan tempat-tempat lama seperti di Jalan Tugu dan di Bangunan Bukota, maka pemindahan pejabat pentadbiran ini akan memudahkan lagi orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat. Saya berharap bahawa prestasi Jabatan Imigresen di bangunan baru

ini akan bertambah baik dan akan menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cekap, bersih dan amanah.

Berdasarkan pengalaman saya sebagai Wakil Rakyat dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai berkaitan dengan hal-hal Imigresen, saya dapat satu hal yang menarik iaitu berkenaan dengan pasport yang hilang atau pasport yang rosak. Nampaknya Jabatan Imigresen mengambil tindakan menahan pasport ataupun menahan pemerosesan permohonan pasport baru jika si pemegang pasport yang hilang atau yang rosak membuat pengaduan kepada Jabatan Imigresen. Jika pasport hilang, si pemegang dikehendaki memenuhi beberapa syarat seperti menunjukkan tiket penerbangan, surat-surat kebenaran majikan dan lain-lain terlebih dahulu sebelum permohonannya ditimbang dan diluluskan. Itupun dia akan diberikan kelulusan dengan tempoh yang terhad iaitu selama 1 tahun. Walaupun kehilangan itu tidak disengajakan akan tetapi peraturan sedemikian akan tetap perlu dipatuhi oleh pemohon-pemohon yang berkenaan. Dalam pada itu syarat yang sama dikenakan juga ke atas pasport yang rosak sama ada diconteng, ditulis, dikoyak, terendam dalam air dan lain-lain lagi. Walau si pemegang pasport memberi sebab munasabah yang tertentu tetapi syarat di atas masih tetap dikenakan ke atasnya.

Saya ingin mencadangkan supaya mana-mana pasport ataupun mana-mana permohonan pasport gantian yang mana pasport asal mereka masih boleh didapati walaupun terdapat sedikit kecacatan, maka pengeluaran pasport gantian haruslah dilonggarkan terutamanya setelah didapati kesalahan itu tidak disengajakan. Saya ada menerima aduan daripada orang ramai tentang kesukaran mereka mendapatkan pasport gantian jika berlakunya kerosakan ataupun kehilangan pasport itu.

Kedua, saya ingin membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pemegang kad pengenalan merah atau pemastautin yang tetap. Jika mereka pergi ke luar negeri tanpa mempunyai surat-surat pengenalan, dokumen-dokumen mereka akan ditahan sekembalinya mereka dari luar negeri. Dokumen yang ditahan adalah termasuk kad pengenalan merah yang dipegang oleh mereka, kemudian satu pas khas akan dikeluarkan kepada mereka melalui tindakan Mahkamah. Mereka yang terlibat itu terdiri dari mereka yang lahir di negara ini akan tetapi masih belum mendapat kewarganegaraan.

Kad-kad pengenalan merah ialah satu-satunya dokumen penting untuk diri sendiri. Jika ianya ditarik balik, alangkah susahnyanya bagi mereka untuk tinggal dan bergerak dalam negeri ini. Menurut peraturan yang ada, mereka dikehendaki memohon permit masuk terlebih dahulu dan proses ini amat membosankan kerana memakan masa yang panjang sebelum permit masuk dapat diluluskan. Saya meyeru agar peraturan tentang pemberian permit masuk yang baru kepada mereka yang pernah ditahan kad pengenalan merah diberikan sedikit kelonggaran. Ini kerana walaupun mereka tinggal di negara ini, dilahir, dibesarkan di negara ini dan terbukti kesetiaan mereka terhadap negara ini, tetapi pelanggaran peraturan Imigresen seperti tinggal di luar negeri melebihi tempoh ataupun keluar dan masuk negeri tanpa dokumen perjalanan tidak bermakna mereka tidak taat setia kepada negara ini. Ramai yang terlibat dengan kesukaran ini mengadu kepada saya kerana mereka terpaksa membaharui permit khas dalam tempoh yang singkat tiap-tiap kali mereka kembali ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin menyentuh mengenai masalah pemegang-pemegang Pasport Malaysia yang melawat Hong Kong.

Semasa lawatan ke Hong Kong mereka mengambil kesempatan untuk melihat Macau. Masalah yang timbul ialah apabila mereka masuk ke Macau, pasport mereka tidak dicap. Begitu juga apabila mereka itu keluar dari Macau. Apa yang jelas dalam pasport mereka ialah terdapat cap keluar dari Hong Kong dan cap masuk semula ke Hong Kong. Sekembalinya mereka ke tanahair, pasport mereka akan ditahan oleh pihak Jabatan Imigresen dan mereka disoal-siasat tentang perjalanan ke Macau.

Kini terdapat ramai rakyat Malaysia yang menghadapi masalah pasportnya ditahan oleh pihak Jabatan Imigresen. Tindakan seperti ini menjejaskan perjalanan ke luar negeri ini. Saya meminta Jabatan Imigresen supaya melonggarkan peraturan ini dan mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan mereka tidak dikenakan tindakan tersebut.

Yang akhirnya, saya juga ingin membangkitkan perkara warganegara Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing. Ramai yang terlibat dalam perkahwinan seumpama ini kerana mereka bekerja di luar negeri seperti di Indonesia, di Taiwan, di negeri Thai dan lain-lain negara. Setelah berkahwin mereka akan pulang ke Malaysia bersama-sama dengan anak-anak hasil perkahwinan mereka. Si isteri akan dibenarkan tinggal di Malaysia dengan diberikan Pas Lawatan Sosial bagi tempoh yang tertentu. Dalam pada itu si isteri ada mengemukakan permohonan permit masuk untuk menjadi pemastautin tetap di negara ini. Malangnya ramai menemui masalah tidak dapat membaharui Pas Lawatan Sosial apabila tamat tempoh dan si isteri terpaksa bersusah-payah mencari jalan pulang ke negara asal dan meninggalkan suami dan anak-anaknya. Setelah balik ke negara asal mereka, mereka boleh memohon untuk datang balik ke negara ini.

Tindakan sedemikian melibatkan banyak wang ringgit yang hendak dibelanjakan dan ramai yang tidak mampu kerana yang terlibat terdiri dari orang-orang miskin. Di samping tempoh Pas Lawatan Sosial tamat dan tidak boleh diperbaharui, maka permohonan permit masuk juga ditolak.

Saya nampak ini adalah satu masalah bagi ramai warganegara kita dan saya ingin mencadangkan supaya syarat dan peraturan bagi kemasukan orang-orang asing yang telah berkahwin dan mempunyai anak dengan warganegara Malaysia dilonggarkan. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan harus membenarkan mereka tinggal di negara ini dengan tidak menghadkan tempoh mereka tinggal sehingga mereka mendapat permit masuk dan kad pengenalan merah berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan yang saya ingin menyampaikan dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang ini dan saya harap bahawa berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh saya tadi mengenai masalah pentadbiran dan juga keraguan ataupun kekhuatiran yang dihadapi oleh pihak pelawat ataupun pihak pelancong dan juga di pihak pelabur asing ini dapat dikaji dengan mendalamnya agar suatu jaminan dapat diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan apabila Rang Undang-undang ini dilaksanakan dengan pindaan-pindaan yang begitu ketat ini, ini tidak akan menyusahkan pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang.

4.28 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang dinamakan Akta Imigresen (Pindaan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa pindaan yang penuh telah dibuat dan antaranya adalah termasuk subseksyen baru (4) dalam Seksyen 6 yang meletakkan beban membuktikan (burden of proof) ke atas orang yang memasuki Malaysia. Seksyen 9A yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah membuat suatu perintah. Seksyen 59 yang mengecualikan seseorang daripada diberi peluang didengar atau, dengan izin, the right to be heard is excluded, dan Seksyen 59A yang memperuntukkan bahawa suatu perintah Menteri atau Ketua Pengarah di bawah Akta ini adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dicabar dalam mahkamah. Nampaknya dengan pindaan yang begitu penuh dan sempurna boleh dikatakan, dengan izin, all the loopholes of the law have been plugged. Saya di sini menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita boleh diibaratkan dengan sebuah rumah, sesiapa yang ingin memasuki rumah itu dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pemiliknya dan pemilik itu mempunyai hak untuk menolak sesiapa yang tidak diingini.

Selain daripada itu, negara kita dikelilingi oleh negara-negara jiran yang bukan sahaja miskin, tetapi "over populated", dengan izin, dan menghadapi pengangguran yang besar. Kalau kita tidak mempunyai undang-undang yang lengkap untuk mencegah kemasukan secara haram ke dalam negara kita, kita akan menghadapi masalah yang sama. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mempunyai Undang-undang Imigresen yang ketat, kita masih lihat ramai pendatang-pendatang haram masuk ke negara kita. Barangkali dari segi

penguatkuasaan kita memerlukan tindakan yang lebih tegas.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 39 (a) memberi kuasa kepada seorang pegawai Imigresen untuk membolehkannya menjalankan dengan berkesan fungsi-fungsinya di bawah Rang Undang-undang ini. Kuasa yang berlebihan mungkin menyebabkan penyalahgunaan kuasa, dalam keadaan tertentu tindakan pegawai akan ditafsirkan sebagai harrassment, dengan izin. Ada kemungkinan kuasa itu disalahgunakan untuk tujuan tertentu. Saya berharap Kementerian berkenaan mengambil tindakan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan kita menghalau "the unwanted visitors", dengan izin, kita masih memerlukan dan mengalu-alukan pelawat-pelawat sejati, pelabur-pelabur dan pelancang-pelancang, kita tidak ingin menakutkan mereka dengan Undang-undang Imigresen yang begitu ketat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.34 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan telah mengemukakan satu pindaan yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi beberapa fasal dalam Akta Imigresen supaya rakyat negara ini mendapat manfaat daripadanya.

Saya menyokong matlamat ini dan juga pindaan yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, saya merasa masih banyak lagi perkara-perkara yang harus diberi perhatian, khususnya oleh Kerajaan di dalam soal imigresen. Satu daripadanya ialah amalan dan peraturan bagi rakyat dari Semenanjung Malaysia yang berkunjung ke Malaysia Timur, khususnya ke Sarawak dan Sabah. Peraturan yang dikenakan ialah setiap rakyat Malaysia yang bermastautin di Semenanjung dikenakan pemeriksaan Imigresen apabila memasuki Sabah atau Sarawak. Dahulunya rakyat dari Semenanjung diwajibkan menggunakan pasport untuk masuk ke Malaysia Timur. Walaupun sekarang peraturan ini telah pun dilonggarkan, rakyat dari Semenanjung masih diperlukan mengisi borang tertentu sebelum dibenar masuk ke Sabah atau Sarawak. Dibalikinya, peraturan yang sama tidak dikenakan ke atas rakyat dari Sabah atau Sarawak apabila memasuki Semenanjung. Dengan kata lain, rakyat dari Sabah dan Sarawak bebas masuk ke Semenanjung tanpa apa-apa syarat. Hal ini menunjukkan ketidakseimbangan amalan Imigresen di antara rakyat Malaysia dari Sabah atau Sarawak dengan rakyat dari Semenanjung. Walaupun saya faham bahawa peraturan dan amalan sekarang adalah hasil dari perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Saya rasa sudah tiba masanya bagi negara ini menyelaraskan Peraturan-peraturan Imigresen supaya ianya disatukan. Sekiranya rakyat dari Sabah atau Sarawak tidak memerlukan pasport untuk masuk ke Semenanjung maka amalan yang sama hendaklah juga dinikmati oleh rakyat dari Semenanjung yang memasuki Sabah dan Sarawak.

Saya juga sedia maklum bahawa peraturan yang diadakan sekarang berpunca dari menjaga kepentingan

rakyat di Sabah dan Sarawak, terutama dalam hal-hal milik tanah di mana hak-hak penduduk tempatan mesti dijamin. Perkara ini sebenarnya tidak dipersoalkan oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung, tetapi kepentingan penduduk tempatan di Sabah dan Sarawak boleh diawasi dengan cara lain. Umpamanya, hanya rakyat Malaysia yang dilahirkan di Sarawak sahaja yang boleh membeli atau memiliki tanah dan lain-lain harta di negeri tersebut. Begitu juga di Sabah di mana harta atau tanah hanya boleh dimiliki oleh rakyat yang dilahirkan di negeri itu sahaja.

Cara untuk memastikan bahawa peraturan ini dipatuhi boleh dibuat dengan senang, umpamanya pegawai yang mentadbir tanah boleh menentukan sama ada seseorang yang ingin memberi harta itu dilahirkan di negeri yang berkenaan dengan memeriksa Kad Pengenalannya di mana tercatat tempat lahir pemegang kad yang berkenaan. Dengan kata lain, untuk menjaga kepentingan penduduk tempatan di Sabah dan Sarawak tidak perlu dikenakan peraturan Imigresen yang menimbulkan perasaan tidak puas hati dari kalangan penduduk-penduduk dari Semenanjung yang berkunjung ke Sabah atau Sarawak.

Kerajaan telah berusaha setiap masa untuk mempereratkan pertalian di antara Semenanjung dan Malaysia Timur. Feri Muhibbah misalnya adalah satu usaha terhadap matlamat tersebut, jadinya undang-undang atau peraturan yang menentukan masuk keluarnya rakyat di antara negeri-negeri di Malaysia hendaklah diselaraskan untuk tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong saranan rakan saya Ahli dari Padang Terap supaya pihak Imigresen harus mengambilkira faktor permintaan sektor pertanian yang memerlukan tenaga buruh yang murah yang boleh didapati daripada negara-negara jiran.

Kelonggaran dalam peraturan dan amalan Imigresen hendaklah diubahsuai untuk membantu pertumbuhan ekonomi pertanian terutama dalam ladang-ladang getah, kelapa sawit, tebu, koko dan sawah padi. Adalah logik untuk negara ini membenarkan kemasukan tenaga asing untuk kepentingan negara kita sendiri.

Mengikut perangkaan yang tidak rasmi sektor pertanian dan ladangan memerlukan berpuluh-puluh ribu pekerja, jika kekosongan ini tidak diisikan, maka negara kita juga akan rugi, oleh kerana banyak ladang dan sawah akan terbengkalai. Amalan membenarkan kemasukan tenaga pekerja dari negara jiran seperti Thailand dan Indonesia secara teratur oleh pihak Imigresen harus diperluaskan lagi supaya banyak kawasan pertanian yang terbengkalai akan dapat dikerjakan semula dan hasilnya dinikmati oleh semua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

4.40 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang yang bertujuan meminda Akta Imigresen 1959-1963.

Fasal 2 (b) Rang Undang-undang ini bertujuan memperuntukkan subseksyen baru (3) yang mengatakan bahawa sebutan dalam Akta ini mengenai seseorang yang dengan menyalahi undang-undang memasuki atau memasuki semula Malaysia atau dengan menyalahi undang-undang tinggal di Malaysia termasuklah apa-apa perbuatan memasuki atau memasuki semula atau tinggal di Malaysia yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya.

Parti DAP menyesal bahawa Kerajaan telah gagal dalam tugasnya untuk melaksanakan Akta Imigresen khususnya di Negeri Sabah di mana kira-kira 400,000 pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian telah memasuki, memasuki semula atau tinggal di negeri tersebut mengikut suka hati mereka. Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, pernah berkata bahawa mereka ini bebas untuk berulangalik antara Sabah dan tanahair mereka.

Kehadiran pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian telah menjejaskan dengan seriusnya keadaan politik, sosial dan keselamatan Negeri Sabah.

Menurut laporan-laporan, lebih 100,000 pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian telah memperolehi kad-kad pengenalan biru di Sabah. Ramai daripada mereka telah menjadi pengundi dan telah mengundi dalam pilihanraya umum, baik di peringkat pusat dan negeri. Menurut seorang Pegawai Pengurus pilihanraya di Tawau, ramai pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian telah mengundi dalam pilihanraya umum 1986 dan beliau berkata bahawa beliau tidak akan berasa hairan untuk mendapati pelarian-pelarian atau pendatang-pendatang haram dipilih sebagai Wakil Rakyat dalam masa akan datang.

Semenjak kemasukan secara besar-besaran pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian Indonesia dan Filipina ke Sabah untuk perolehi kewarganegaraan, kes-kes mengenai kad-kad pengenalan biru yang palsu telah menjadi-jadi di negeri tersebut.

Menurut pihak polis pula, kadar jenayah serius telah meningkat di Sabah dan ini disebabkan kebanyakannya oleh pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian yang berada di Negeri Sabah.

Kes-kes samun, perlanunan, pembunuhan malah serangan ke atas Balai Polis berlaku di Sabah. Penemuan senjatapi di kalangan pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian adalah satu fenomena biasa di Sabah.

Mereka ini bukan sahaja membahayakan situasi keselamatan di Sabah, malah mereka membawa bersama mereka penyakit-penyakit seperti malaria, cirit birit, hipotetik dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini pula menjangkit ke rakyat kita.

Ini pula membebankan Kerajaan kerana Kerajaan terpaksa menyediakan mereka dengan kemudahan-kemudahan perubatan, sekolah untuk anak-anak mereka dan sebagainya.

Pada bulan Mac 1986, pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian telah menyertai demonstrasi haram di mana harta benda dimusnah dan nyawa terhilang akibat tanduk mereka.

Adalah amat menghairankan bagaimana begitu besar jumlah pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian dapat memasuki Negeri Sabah dengan begitu mudah dan bebas tanpa disekat atau dihalang oleh pihak Imigresen. Kerajaan seringkali memberi alasan bahawa pantai Negeri Sabah adalah terlalu panjang untuk meronda atau Negeri Sabah memerlukan pekerja-pekerja asing dan akibat ini, Sabah pula dibanjiri dengan begitu ramai pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian.

Pada bulan Jun tahun ini, Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, mengumumkan bahawa semua pekerja-pekerja yang terdiri dari pendatang-pendatang haram harus mempunyai dokumen-dokumen yang sah untuk bekerja di Sabah dan mereka yang tidak mempunyai

dokumen-dokumen ini hendaklah tinggalkan negeri tersebut. Beliau juga mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah telah memberi amnesty selama enam bulan kepada pekerja-pekerja asing di Negeri Sabah untuk membolehkan mereka memperoleh dokumen-dokumen perjalanan dan pekerjaan yang sah. Ini bermakna dalam tempoh enam bulan ini, mereka ini yang memasuki negeri Sabah secara haram boleh meninggalkan Sabah menerusi pintu-pintu keluar yang sah tanpa ditangkap kerana memasuki negeri Sabah secara haram dan mereka ini boleh memasuki semula negeri tersebut selepas memperoleh dokumen perjalanan yang sah.

Kenyataan Ketua Menteri Sabah langsung tidak menghiraukan Undang-undang Imigresen negara kita malah Undang-undang Buruh kita. Kenyataan beliau yang memberi amnesty serta tempoh enam bulan itu adalah bercanggah dengan janji Parti PBS semasa pilihanraya Negeri Sabah tahun 1986 bahawa mereka akan mengusir semua pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram yang berada di Sabah.

Apa gunanya kita mempunyai Akta Imigresen yang dilulus oleh Dewan ini sedangkan Ketua Menteri Sabah sendiri tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ini. Apakah Ketua Menteri itu berada, dengan izin, above the law, sehingga beliau boleh tidak mengindahkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang kita?

Memandangkan kepada masalah-masalah yang timbul oleh pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram di Sabah baik dari segi keselamatan, sosial atau ekonomi, DAP menggesa Kerajaan untuk menggunakan kuasa-kuasa yang ada dalam Akta Imigresen untuk mengusir semua pendatang-pendatang haram

dan pelarian-pelarian dari negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga untuk mengambil bahagian bagi meminda Akta yang dinamakan Akta Imigresen (Pindaan) 1988 bagi meminda Akta Imigresen 1959-1963 yang mana petang semalam Timbalan Menteri Dalam Negeri telah pun memberi ulasan yang mana dalam Akta ini mengandungi daripada 1 hingga 26 Fasal-fasal yang telah pun diterangkan bagi kepentingan untuk negara kita Malaysia ini supaya tidak dapat dimasuki oleh mana-mana pihak untuk menjadi pengacau dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, saya di sini mengambil kesempatan mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah di atas usaha yang telah dijalankan dan juga meminda Akta ini yang sebegitu rupa bagi membolehkan pihak-pihak berkenaan terutama pihak sebagaimana disebutkan saya membaca, meneliti hanya yang kita bincang yang diterangkan adalah tidak lain tidak bukan adalah untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dalam Fasal ini, saya tidaklah hendak membangkitkan soal-soal yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri pada petang semalam tetapi hanya saya ingin mencelah sedikit untuk memberi penjelasan bagi memperbaiki lagi supaya undang-undang ini akan dapat berjalan dengan baik dan teratur dan tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang

berkenaan apabila kita telah memberi kuasa kepada mereka ini akan memudaratkan kepada kita sendiri dan juga kepada negara kita Malaysia.

Soalnya negara kita sekarang sebagaimana yang dikehendaki oleh pemimpin kita terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang berkehendakkan negara kita ini lebih maju di dalam pembangunan, yang berkehendakkan pembangunan yang lebih pesat lagi di dalam negara kita ini dengan memanggil lebih ramai pelabur-pelabur iaitu orang-orang yang dapat membawa wang ringgit dan sebagainya untuk melabur di dalam negara kita ini bagi membuka kilang perusahaan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, dengan adanya undang-undang yang baik, saya rasa mungkin banyak lagi pelabur-pelabur yang akan datang ke negara Malaysia ini untuk melabur dan menolong untuk membangunkan lagi negara kita ini. Oleh yang demikian, sekarang ini saya rasa masih banyak lagi masalah-masalah yang timbul yang dirungutkan oleh pihak-pihak yang tertentu, terutamanya mereka yang datang melabur di dalam negara Malaysia ini.

Sebagaimana sebentar tadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya berucap tadi ada juga mengatakan bagaimana mereka itu apabila dapat pas kerja, permit kerja dan sebagainya, apabila hendak membaharui, begitu lama menanti dan sebagainya, mengisi borang dan sebagainya dan ada kala mereka ini diarah balik ke negara mereka semula, lepas itu buat permohonan. Ini menjadikan masalah yang rumit dan susah dan dengan keadaan ini juga mereka ini akan memberitahu kepada rakan-rakan di negara sendiri yang negara kita ini Imigresennya terlampau ketat dan menyusahkan. Ini juga rasa saya akan mengurangkan pemodal-pemodal asing untuk datang ke negara Malaysia. Oleh itu, dalam

masalah ini di segi lain, pegawai-pegawai Imigresen kita juga harus bertimbang rasa, berbudi bahasa dan sebagainya.

Umpamanya, menarik pelancong-pelancong yang kita telah pun wujudkan Kementerian Pelancongan yang berhajat menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong luar negeri untuk datang ke negara Malaysia ini. Jika sekiranya pegawai-pegawai Imigresen kita yang terutamanya mereka apabila datang sama ada di lapangan terbang ataupun di pelabuhan-pelabuhan melalui kapal laut dan sebagainya mereka akan menemui lebih awal, pertama kali mereka ini akan menemui iaitu pegawai Imigresen di pintu hendak masuk ke dalam negara kita ini.

Di lapangan terbang di Kuala Lumpur saya seringkali melihat keadaan, bukan semua, tetapi segelintir pegawai Imigresen ini, saya rasa menunjukkan muka yang begitu bengis, tidak menunjukkan muka yang manis menerima kedatangan pelancong-pelancong yang hendak datang ke negara Malaysia ini. Mereka kadang-kadang mengherdek: berapa hari hendak datang dan berbagai-bagai lagi persoalan-persoalan. Sungguhpun persoalan ini sudah termaktub di dalam Akta untuk menyoal mereka ini, tetapi rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, ada caranya yang lebih baik.

Saya pernah juga keluar negeri, ada juga baru-baru ini saya keluar negeri, tidak perlu saya sebutkan, saya berasa senang apabila masuk ke negara mereka itu melalui pintu Imigresen. Dia bertanya kepada saya berapa hari hendak duduk di negeri ini? Saya kata lebih kurang dalam lima, enam hari. Dia berbaik-baik, lima hari sedikit sangat. Dia kata, saya beri tiga minggu. Pada hal memang undang-undang ada, tetapi dia mengatakan saya beri tiga minggu, bagaimana, cukup? Kita pun berasa sedap. Tidak

mengapalah dua minggu, cukup. Tidak mengapa saya beri tiga minggu. Bermakna kita senang hati. Selepas itu dia bertanya pula di mana hendak duduk di sini? Saya kata hendak cari hotel. Dia kata ada hotel yang baik dan murah. Sambil dia buat kerja dan orang banyak di belakang saya, tetapi dia dengan muka yang manis memberitahu teksi ada di luar, kalau hendak naik teksi yang begitu rupa, mahal, kalau teksi yang ini murah. Elok simpan duit, lepas itu boleh enjoy sedikit di sini kata dia. Ini cara rasa saya yang boleh dapat menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong kita. Ini kadangkala kita tengok di airport ataupun di lapangan terbang kita ini pelancong-pelancong yang hanya untuk transit sahaja mereka ini tidak mahu hendak turun keluar, hanya duduk di dalam sahaja kerana tidak ada dorongan ataupun galakan yang perlu kita membawa mereka ini masuk dengan cara-cara yang saya sebutkan ini tadi, ini perlu.

Di samping itu juga, pegawai ini perlu juga tahu kalau naik kapal terbang, mungkin 18 jam, 16 jam dalam kapal terbang, letih dan lesu. Ada kala kita tidak dapat lebih-lebih lagi yang macam saya rasa kalau keluar negeri tidaklah duduk di First Class, tetapi Economy Class, sudah bengkok kaki untuk 8 jam, 12 jam dan seterusnya ataupun orang-orang lain yang serupa saya begitu pun juga. Mereka ini letih dan sebagainya. Dengan adanya senyuman, kalau sebelah pagi sampai pukul satu, pukul dua sudah lapar, kita ucapkan selamat pagi kepada mereka, "selamat datang ke Malaysia" dan sebagainya. Tetapi mereka ini tidak. Saya melihat keadaan, saya pandang dari belakang mereka menunjukkan muka yang bengis, seolah-olah kita masuk dalam negara komunis yang tidak ada bertimbang rasa. Inilah saya rasa untuk kepentingan memperbaiki lagi di samping kita hendak meminda Akta

Imigresen ini, di samping hendak menarik orang luar itu dan sebagainya, ini juga perlu, supaya dengan adanya ini dapat negara kita sedikit-sebanyak dapat mengambil ataupun dapat peniaga-peniaga kita dapat membeli-belah di sini dapat kemasukan pertukaran wang di dalam negara kita ini.

Selain daripada di Pejabat Imigresen, saya minta maaf kalau ada pegawai-pegawai Imigresen di sini, sebab saya di Kuala Lumpur sebagai Wakil Rakyat bukan sengaja saya hendak datang ke Pejabat Imigresen untuk menyusahkan pegawai-pegawai di sini, tetapi tugas. Oleh itu kadangkala ada pegawai-pegawai yang baik, kadangkala ada pegawai yang kurang baik. Pada suatu masa ada satu orang terpaksa hendak pergi ke Hongkong. Mereka ini sudah dapat tiket dan sebagainya. Oleh kerana tidak tahu jalan dan sebagainya, dia minta saya untuk tolonglah buat passport, lagi tiga hari hendak pergi, tiket sudah siap. Saya pun membawa orang ini ke pegawai-pegawai yang berkenaan. Pada hari itu hari Sabtu. Saya tengok pegawai yang ada dalam tidak ada dalam bilik. Pegawai yang lain mengatakan dia ada duduk di sebelah sana. Kalau boleh, Encik pergilah jumpa dia.

Saya pun pergi, dia sembur saya. Awak tidak tahu adatkah? Ini bukan pejabat saya, pejabat saya di dalam. Padahal saya sudah tunggu begitu lama, saya nampak dia lama duduk di situ. Sepatutnya tidak boleh kata begini dan sebagainya, awak tidak tahu lagikah? Tidak boleh, masa dua tiga hari ini tunggulah masanya yang sesuai.

Saya kata kalau boleh memanglah masanya kalau yang sesuai yang begitu lama mengikut kaedah yang dijalankan tidak perlu saya datang. Sebab saya datang kerana ada kesesakan, itu sebabnya. Dia kata

letak sinilah. Saya pun tidak tahan, saya pun letak dan pergi. Begitu keadaannya. Ini kena kepada diri saya. Tetapi kepada orang lain bagaimana? Saya bukan hendak membanggakan diri saya sebagai Wakil Rakyat. Tetapi keadaan ini berlaku sentiasa kepada orang-orang yang lain yang empat, lima kali pergi tidak dapat kononnya mengikut giliran. Tetapi ada pegawai-pegawai yang baik, saya ucapkan terima kasih.

Banyak juga pegawai-pegawai yang saya sebutkan ini yang tidak elok sahaja. Yang elok pun banyak juga. Kadangkala dia tahu masalah kita dapat diselesaikan dengan seberapa segera. Tetapi pegawai yang saya sebutkan tadi, tidak usahlah sebutkan namanya, tetapi saya ada menyebut kepada pihak yang tertentu.

Soal yang lain yang pihak Imigresen harus memberitahu, oleh kerana kita ini telah jadi tradisi kemungkinan yang saya nampak adat apabila persekolahan cuti, begitu ramai di pejabat Imigresen, penuh dengan ibu-bapa hendak mengambil pasport anak, mengambil pasport itu, hendak keluar negeri kononnya. Tetapi berduyunduyun penuh sehinggakan menunggu sampai ke bawah dan seterusnya. Masa itu ialah di masa di Imigresen kita yang buat di Perbadanan Bukota. Tetapi sekarang sudahpun pindah di Bandar Baru Damansara. Saya rasa ini pun saya hendak sentuh sedikit-sebanyak nanti iaitu supaya pihak Imigresen, kita ada mass media melihat TV, Radio dan seterusnya. Apa salahnya diberitahu kepada mereka supaya tidak tergendala dan sebagainya kerana cuti pun tidak lama, memberitahu lebih awal kalau hendak pasport datang lebih awal, bukan dalam masa tiga minggu berebut-berebut di situ.

Ini juga, kita pun berasa simpati kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, tangan hanya dua, tetapi

banyak juga sungutan mengatakan itu tak betul dan sebagainya. Saya rasa ini kesalahan orang ramai kerana orang ramai mesti tahu juga pegawai itu bukannya mempunyai tangan yang banyak, hanya dua tangan sahaja untuk bekerja buat masa-masa yang tertentu sehingga tidak dapat hendak menjalankan itu dan ini. Ini juga harus diatasi, saya rasa.

Selain daripada itu berhubungan dengan Pejabat Imigresen yang ada sekarang ini sangat baiklah, nampaknya cantik, bersih tetapi saya rasa kepada orang yang kaya, orang yang berkenaan mungkin senang di Kuala Lumpur ini. Tetapi susah kepada mereka yang tidak berkenderaan, bas pun tidak ada lalu di situ, mini bas pun tidak ada lalu di situ. Kalau ada bas yang lalu pun jauh, cuma kemudahan teksi yang ada. Apa salahnya pihak Kerajaan mencari bangunan-bangunan yang lebih sesuai, yang ada di tengah-tengah Ibukota ini, yang boleh orang ramai datang dengan senang dan selesa sebagaimana yang ada di Jalan Pantai dahulu, rasa saya amat senang tetapi kemungkinan susah untuk meletak kereta (parking) dan sebagainya ada kesulitan.

Saya melihat Federal House (Rumah Persekutuan), tak tahulah apa akan jadi, saya tengok sudah lama terbiar begitu, tidak ada yang menggunakan sedangkan Kerajaan kita menyewa bangunan yang dipunyai oleh swasta dan sebagainya. Apakah sebabnya tidak digunakan bangunan kita sendiri yang telah ada iaitu Federal House yang kosong sahaja setinggi 6-7 tingkat? Saya rasa cukup untuk satu Jabatan, satu ibupejabat Imigresen yang boleh diletakkan di situ, mungkin lebih baik lagi dan orang ramai dan pelancong-pelancong luar negeri juga akan senang datang di samping kita dapat mengadakan banyak kaunter itu nanti. Apabila Dataran Merdeka itu siap dan juga kemudahan yang lain yang ada di situ, Dayabumi dan seterusnya, pelancong

dari luar negeri akan dapat senang lagi memendekkan masa mereka untuk memperbaharui pas lawatan dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, soal pas lawatan pekerja yang saya sebutkan tadi. Mereka itu sepatutnya mendapat pertimbangan daripada pihak Kementerian, khasnya Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Imigresen sendiri berhubung dengan pas lawatan, permit kerja dan sebagainya. Ini juga selalu berlaku, sebagaimana saya sebutkan tadi apabila pas lawatan mereka itu tamat, mereka hendak memperbaharunya kadangkala memakan masa yang lama. Apabila tempoh masanya telah habis, mereka itu terpaksa ke luar negeri sama ada duduk di Singapura, selepas itu masuk balik. Bermakna mereka itu dapat masuk. Apa salahnya dibuat cara-cara yang lain supaya mereka itu dapat duduk lama, diberi tempoh lagi dua tiga minggu dan seterusnya.

Apa yang lebih menyusahkan lagi ialah mereka yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia ini. Mereka terpaksa meninggalkan anak dan isteri di dalam negeri ini, kerana mereka terpaksa ke luar selama dua tiga hari, selepas itu hendak masuk balik sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi. Perkara ini menyulitkan dan di samping itu juga terpaksa mereka mengeluarkan wang yang banyak, sedangkan wang itu amat perlu bagi keluarga mereka.

Soal yang lain ialah mengenai pelabur-pelabur yang hendak masuk ke dalam negara kita ini. Ini juga mendapat rungutan daripada orang ramai yang mengatakan sungguhpun mereka telah cuba membawa wang masuk untuk melabur dalam negara kita ini, tetapi pihak Imigresen kadangkala memakan masa yang lama untuk meluluskan satu-satu

permohonan itu. Kadangkala ditolak, buat permohonan lagi. Ditolak buat permohonan lagi dan seterusnya mereka ini menjadi bosan dan akhirnya lari ke negara-negara lain, umpamanya ada yang lari ke Indonesia, lari ke Thailand, Filipina dan sebagainya yang menjadikan kita kerugian. Oleh itu dalam masalah ini, dengan adanya pindaan ini, pihak Ketua Pengarah yang akan menjalankan tugas mengikut undang-undang supaya dapat menyelidik dan memberikan kemudahan kepada mereka. Dengan adanya kemudahan-kemudahan itu saya rasa lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing yang akan datang ke negara kita ini tanpa ada sekatan, tanpa ada karenah itu dan ini. Ini akan lebih memberikan keyakinan kepada mereka.

Soal pendatang haram, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini memanglah sejak saya masuk di Parlimen ini, inilah rasa saya perkara yang selalu diungkit-ungkit dan dipersoalkan, bagaimana mereka itu masuk, apa sebab mereka itu dapat datang daripada seberang. Ada kalanya mereka bertanya apa sebabnya golongan itu sahaja yang datang dan golongan ini tidak dan seterusnya berbagai-bagai persoalan. Soal ini, saya rasa dengan ada pindaan Undang-undang Imigresen ini supaya dapat diperketatkan dengan lebih baik lagi. Ini juga kita melihatkan keadaan-keadaan yang berlaku pada hari ini dengan banyaknya orang-orang asing datang. Kadangkala yang dapat pasport merah, Identity Card Merah, Kad Pengenalan Merah. Ini juga menjadi masalah kepada kita iaitu mereka itu dikatakan merompak.

Pihak Polis, rasa saya mengakui iaitu pendatang haram juga dikatakan ada merompak di sana, merompak di sini, kebanyakannya adalah dilakukan oleh pendatang haram dan seterusnya. Masalah ini, rasa saya bukan kita menuduh, tetapi pihak Polis telah

menjalankan siasatan terbukti berlaku. Ini juga harus dipastikan supaya tiap-tiap pintu masuk, kawasan pantai yang ada sekarang ini di mana sahaja pantai-pantai yang dekat dengan kawasan perairan negara jiran-jiran kita itu supaya dijaga, oleh kerana mereka ini kalau datang dengan baik tidak mengapa, kadangkala mereka ini menyusahkan kita dan menjadi kita dalam serba salah.

Begitu juga kita harus mengawasi agensi-agensi pekerjaan yang mana agensi-agensi ini kita tahu telah membawa pekerja-pekerja iaitu pembantu rumah dan sebagainya. Mereka itu kadangkala menyeleweng daripada dasar, sungguhpun pihak Kementerian telah memberikan permit-permit untuk mereka menjalankan tugas-tugas ini tetapi kadang-kala disalahgunakan. Masalah itu saya rasa pihak Imigresen mengambil usaha yang lebih ketat lagi supaya mereka tidak datang secara haram.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jiran kita dalam ASEAN ini, lebih-lebih lagi dengan Singapura, Thailand dan juga Brunei. Sekarang kalau kita hendak masuk ke negara-negara itu terpaksa menggunakan pasport. Tidakkah ada jalan mudah, kerana pada masa ini negeri-negeri itu kita boleh menyeberang, tak payah naik kereta, naik basikal pun boleh, jalan kaki pun boleh. Hanya untuk pergi ke Brunei, mungkin orang Sabah dan Sarawak boleh pergi dengan mudah. Kita terpaksa naik kapalterbang ataupun kapal laut, tidak seperti orang Sabah dan Sarawak untuk masuk ke Brunei dan orang Kuala Lumpur, Malaysia Barat untuk datang ke Singapura ataupun ke Thailand supaya dapat diadakan satu pas lawatan yang khas, kerana mereka ini, saya rasa dengan keadaan ini tidak perlu lagi kita mengadakan sekatan, sungguhpun

sekatan ada tetapi mengurangkan sedikit.

Umpamanya sekarang ini rakyat Malaysia dari Rantau Panjang hendak pergi ke Golok, orang kita terpaksa membayar \$4 tanpa resit dan sebagainya kepada pegawai Imigresen Thailand. Tetapi orang dia masuk ke negara kita, kita tidak ada ambil apa-apa satu sen pun tidak ada. Ini nampaknya berat kepada kita, rugilah kepada kita, untung kepada mereka. Begitu juga kemungkinan Padang Besar. Ini pun saya tidak tahu.

Apa yang saya sebut ini juga saya harap akan dapat diatasi supaya tidak menjadikan di sebelah sana kena, di sebelah sini tidak kena, sedangkan negara kita ini berjiran dan di samping itu kita ini berada dalam gugusan ASEAN. Begitu juga yang berlaku di Sabah dan Sarawak untuk masuk ke Brunei Darussalam supaya rakyat di antara negara yang berkenaan dapat masuk dengan cara yang teratur tanpa membuat itu dan ini. Saya rasa ini akan menambahkan lagi pelaburan dan juga di samping itu pelancongan di antara kedua-dua buah negeri dapat dijalankan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang lain ini termasuk juga sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi berhubung dengan pasport yang masih digunakan untuk rakyat Malaysia, rakyat Kuala Lumpur ini ataupun rakyat Malaysia Barat untuk pergi ke Sabah dan Sarawak terpaksa lagi menggunakan pasport dan pihak di sana juga hendak masuk di sini juga kena pasport. Bukankah kita telah masuk dalam Malaysia? Apa salahnya. Tidak ada lagi rasa saya untuk perkara-perkara yang seumpama ini berlaku. Hari itu kita ada perasaan, "saya orang Sabah, saya orang Sarawak, saya orang Kuala Lumpur, saya orang Selangor" dan sebagainya. Tetapi sekarang tidak ada lagi perasaan itu, kerana kita telah bebas, kita masuk melalui ini dengan

tidak ada sekatan hendak cop pasport itu dan sebagainya. Ini harus dibuat kajian, kerana kita tidak mahu parti-parti Pembangkang mengambil kesempatan untuk menghentam kita balik semula dan sebagainya. Tetapi mereka nampaknya tidak ada, ada seorang sahaja, yang lain tidak ada.

Ini saya rasa patut kita cuba bagaimana masalah-masalah ini kita hadapi dan dengan adanya keadaan-keadaan yang seumpama ini, rasa saya insya Allah, Akta yang telah dibaca, yang telah pun dihurai dan dibentangkan itu kepada kita mudah-mudahan akan mendapat lebih baik lagi dan di samping itu akan lebih ramai lagi pelancong-pelancong dari luar negeri yang dapat datang ke Malaysia ini dan di samping itu juga kita harap lebih baik lagi.

Akhirnya saya mengharapkan juga Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sebagaimana yang disebutkan tadi supaya bekerjasama, memberikan nasihat, memberi gambaran yang baik terhadap Malaysia supaya ramai lagi pelancong-pelancong akan datang ke negara ini. Kalau Wakil-wakil kita ataupun Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri juga berperangai tidak baik dan menunjukkan kita tidak baik, ini rasa saya salah satu masalah yang berlaku, yang memburukkan negara kita yang berlaku perkauman dan sebagainya sedangkan ia tidak berlaku. Ini hanya disebabkan kurang penerangan daripada pegawai-pegawai yang kita tugaskan di luar negeri itu untuk memberi penerangan sejelas-jelasnya, seterang-terangnya kepada rakyat negara itu. Tetapi mereka ini tidak berbuat demikian. Inilah salah satu sebabnya saya rasa dalam masalah ini, termasuk juga Kedutaan-kedutaan yang menguruskan pasport-pasport atau visa-visa untuk melawat ke negara kita supaya dapat diperbaiki dan supaya lebih ramai lagi akan datang ke negara kita ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah pandangan-pandangan saya. Saya minta maaf jikalau ada masalah-masalah yang saya timbulkan tadi menyinggung perasaan lebih-lebih lagi pegawai-pegawai Imigresen yang terkena sahajalah; yang tidak terkena itu, saya sanjung tinggi, baik dan berbudi bahasa tetapi mereka yang tidak memikirkan orangramai tetapi memikirkan diri mereka sahaja, saya harap supaya kalau mereka itu boleh memperbaiki diri mereka demi kepentingan bangsa dan negara serta juga negara kita supaya tidak cemar. Itulah harapan saya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya atas pindaan Akta ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Besut.

5.15 ptg

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963.

Saya akan menyentuh satu perkara sahaja iaitu berhubung dengan kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sudah sampai masanya Kerajaan mengkaji semula secara serius tentang dasar kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara kita dan mengadakan satu peraturan bagi menghalalkan kemasukan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di sektor-sektor yang sangat-sangat memerlukan

tenaga kerja seperti sektor perladangan, sektor binaan dan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja asing yang biasanya memasuki negara kita sama ada secara halal atau haram pada masa-masa yang lalu dengan bilangan yang besar datangnya daripada negara-negara jiran yang secara tradisional mempunyai hubungan rapat dengan negara kita seperti Indonesia, Thailand dan juga mungkin Singapura dan Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu, kita memperketatkan dasar kemasukan pekerja asing ke negara kita ini kerana memandangkan beberapa kemudaratan yang mungkin berlaku terutama sekali terhadap keselamatan negara dan juga kemungkinan membatasi hak-hak dan peluang-peluang kerja bagi rakyat tempatan dan juga masalah-masalah sosial yang mungkin memporak-perandakan keadaan masyarakat kita akibat daripada kemasukan orang-orang asing itu. Tetapi pada masa ini mungkin jika kita teliti dengan halus, dengan cermat, kita dapati ancaman seumpama itu tidak begitu serius lagi. Umpamanya dari segi keselamatan kalau waktu awal-awal atau dekad pertama negara kita mencapai kemerdekaan, ancaman yang besar bagi kita ialah barangkali gerakan subversif untuk memasukkan ideologi komunis di dalam masyarakat kita. Dan ada setengah negara-negara jiran yang telah menganuti fahaman atau menerima ideologi komunis ini yang kita bimbang mungkin akan memperluaskan ideologi itu di kalangan rakyat negara kita. Tetapi pada masa ini jelas hasil daripada usaha kita, hasil daripada kewaspadaan kita, maka kita dapati perkara ini tidaklah menjadi ancaman yang besar lagi, bahkan boleh kita rasa, kita jamin rasanya sekiranya ada penganut-penganut ideologi komunis daripada negara-negara jiran jika mereka

datang dan bercampur-gaul dengan anggota masyarakat kita, mungkin kita pula boleh mengubah mereka menjadi non-communist.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dari segi peluang-peluang kerja. Memang betul kita mempunyai dasar untuk memberi keutamaan peluang-peluang kerja kepada rakyat negara kita sendiri. Tetapi sebagaimana yang kita ketahui dan telah pun kita alami masalah berlanjutan bahawa ada sektor-sektor pekerjaan tertentu yang pada masa ini sangat-sangat memerlukan tenaga kerja tetapi tidak dimasuki oleh pekerja-pekerja tempatan. Walaupun usaha-usaha telah dijalankan dengan berbagai-bagai cara tetapi nampaknya hasil yang memuaskan belum dapat dicapai.

Begitu juga dari segi sosial. Kita menganggap bahawa kemasukan pekerja asing beramai-ramai boleh memburukkan masyarakat kita terutama sekali dari segi kegiatan-kegiatan jenayah seperti yang diperkatakan di sana-sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat masalah-masalah ini mungkin pada masa yang lalu adalah merupakan ancaman yang serius dan ianya berlaku kerana kemasukan pekerja-pekerja asing ini secara haram. Apabila mereka masuk secara haram kawalan yang rapi terhadap kemasukan mereka, pergerakan mereka, bilangan mereka yang sebenarnya tidak dapat dikawal dengan cermat, dengan betul.

Oleh yang demikian mereka melakukan kerja-kerja terutama sekali kerja-kerja jenayah yang agak sukar dikawal oleh pihak keselamatan kita. Sekiranya mereka ini masuk secara halal, barangkali kawalan yang lebih

rapi akan dapat diadakan kerana mereka terpaksa mendaftarkan diri, memperkenalkan diri dan juga mereka bergerak ke sana sini secara halal dan dengan yang demikian mereka akan dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang sepatutnya mengawal kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya berpendapat bahawa sekiranya kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara kita untuk bekerja di sektor ladang, sektor binaan dan juga kerja-kerja domestic yang memerlukan tenaga kerja, dihalalkan dengan cara yang dibenarkan oleh undang-undang, dengan peraturan-peraturan yang diselaraskan antara negara kita dengan pihak-pihak yang berkenaan, maka saya yakin banyak pula faedah-faedah yang kita perolehi darinya nanti, umpamanya dari segi kegiatan ekonomi.

Pada masa ini walaupun kita sentiasa menafikan tidak banyak pekerja-pekerja asing masuk dan bekerja secara haram di negara ini, tetapi pada hakikat yang sebenarnya keadaan ini berlaku. Jika sekiranya kita menidakkan perkara ini, memanglah kita membohongi diri kita sendiri. Ada pekerja-pekerja yang masuk dan bekerja secara haram dan mereka ini menyorok, bersembunyi di sana sini dan mereka tidak bebas bergerak di negara kita dan sebaliknya mereka tidak berpeluang untuk berbelanja di negara kita. Ini satu kerugian yang besar kerana pekerja-pekerja yang bekerja secara haram, mereka bersembunyi dan mengumpul wang ringgit pendapatan mereka di sini dan mereka menghantar balik ke negara masing-masing atau membawanya balik ke negara masing-masing sekali sekala apabila mereka pulang ke negara masing-masing. Pada hal sekiranya mereka itu dibenarkan bekerja secara halal dan mereka memperoleh pendapatan secara halal

dan mereka dibenarkan bebas keluar, bergerak dan bergiat serta berbelanja seperti rakyat di negara kita, mungkin banyak pula peluang-peluang edaran wang yang berlaku yang menyebabkan kegiatan ekonomi, kalau tidak pun secara besar-besaran tetapi secara kecil-kecilan di sana sini.

Umpamanya, jika pekerja-pekerja itu tidak takut-takut, mungkin mereka akan keluar makan minum secara bebas dan menggunakan kedai-kedai tempatan dan mungkin juga mereka menggunakan kenderaan, membeli alat-alat kenderaan dan mungkin juga mereka melancong ke sana sini dan berbelanja dan mereka juga akan keluar membeli belah. Dengan yang demikian wang yang mereka perolehi di sini tidak semuanya dihantar keluar balik ke negara mereka yang asal, tetapi sebahagiannya dibelanjakan semula di negara kita ini. Dengan yang demikian ianya mendorong kepada kegiatan ekonomi di sekitar kawasan di mana terdapatnya pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara kita ini.

Satu lagi faedah yang mungkin kita perolehi jika sekiranya kemasukan pekerja-pekerja asing ini dilakukan secara halal dan secara terbuka ialah dengan memenuhi keperluan tenaga kerja. Sebagaimana yang diperkatakan semenjak kebelakangan ini, banyak sektor-sektor pekerja yang memerlukan tenaga kerja, tetapi kita tidak dapat menggerakkan tenaga kerja tempatan untuk memasuki sektor tersebut dan sehingga di setengah-setengah sektor, terutama sekali di sektor ladang, kegiatannya itu terjejas dan merugikan pendapatan negara. Oleh yang demikian, dengan adanya peraturan menghalalkan kemasukan pekerja-pekerja asing ini, maka barangkali masalah kekurangan tenaga kerja akan dapat diatasi dan ianya tidaklah pula boleh dianggap menyekat peluang-peluang kerja bagi rakyat tempatan kerana peluang-peluang pekerjaan seumpama itu sentiasa

terbuka sebagaimana yang disebut oleh pemimpin-pemimpin negara kita terutama sekali dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa pekerja-pekerja tempatan tidak berminat untuk memasuki lapangan pekerjaan terutama sekali di sektor perladangan.

Dari segi keselamatan, saya berpendapat memang tidak dapat dinafikan sekiranya orang-orang asing itu masuk bekerja secara haram dan mereka tinggal bersembunyi di sana sini, maka mereka terdorong untuk melakukan kerja-kerja haram termasuklah kegiatan-kegiatan jenayah. Maka kegiatan mereka ini pula sukar diawasi dan sukar dikesan kerana mereka sendiri tidak mempunyai pengenalan diri yang sah dan mereka masuk ke sini tanpa didaftarkan. Sekiranya mereka masuk secara berdaftar, secara halal dan mereka diberi kad pengenalan atau pas pengenalan ataupun pasport yang boleh diakui, dengan cara demikian gerak-geri mereka atau apa-apa kegiatan yang dilakukan oleh mereka ini akan dapat diawasi sepanjang masa. Dengan yang demikian saya percaya ianya boleh mengurangkan kegiatan-kegiatan haram terutama sekali kegiatan-kegiatan jenayah.

Selain daripada itu apabila mereka ini terutama sekali kumpulan pekerja asing ini jika dibawa masuk secara berkumpulan oleh agensi-agensi tertentu, maka pihak yang membawa masuk kumpulan pekerja ini boleh dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kegiatan pekerja-pekerja yang mereka bawa masuk itu.

Satu lagi faedah yang mungkin kita peroleh, saya percaya dengan pekerja-pekerja asing umpamanya yang bekerja di ladang-ladang dapat bekerja secara halal, dapat bergerak secara terang, dapat pula bercampur gaul secara terang, dapat pula bercampur gaul secara terbuka dengan anggota

masyarakat di sekelilingnya, maka mungkin juga ia akan memberi galakan atau insentif kepada pekerja-pekerja tempatan terutama sekali belia-belie kita yang masih menggantung.

Pada masa ini belia-belie kita ini baru lepas daripada alam persekolahan memang betul tidak begitu berminat memasuki sektor perladangan kerana mengikut pandangan mereka atau mengikut anggapan masyarakat bahawa pekerja seumpama itu dianggap rendah, susah, terseksa, pendapatan tidak terjamin, tertindas dan sebagainya kerana mereka memerhatikan pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk bekerja secara haram memanglah keadaannya begitu, pendapatannya tidak terjamin, keselamatan dan hak-hak sebagai seorang pekerja tidak dilindungi atau tidak terlindung oleh kuatkuasa undang-undang yang ada. Mereka pula terpaksa bergerak secara bersembunyi-sembunyi dan ada pula yang terpaksa tinggal di pondok-pondok kecil di tepi-tepi hutan ataupun di pinggir-pinggir ladang. Dengan yang demikian mereka sentiasa hidup di dalam ketakutan dan kebanyakan daripada pekerja-pekerja yang datang secara haram itu pula ditindas oleh orang-orang tengah dan setengah-setengahnya oleh majikan-majikan sendiri. Dengan yang demikian menyebabkan apabila anak muda kita sendiri melihat keadaan yang buruk atau yang tidak selesa sedemikian itu, maka mereka merasa tidak berminat untuk mengambil bahagian bekerja di dalam sektor yang berkenaan.

Sekiranya pekerja-pekerja asing yang masuk bekerja secara halal dapat membuktikan bahawa pekerjaan di ladang-ladang juga boleh menjadi satu sumber pendapatan yang lumayan dan boleh hidup dengan cara yang selesa dan kepentingan-kepentingan mereka sebagai pekerja adalah terjamin dan mereka tidak ditindas bahkan mereka diberi layanan dengan baik dan mereka

dapat bercampur gaul dengan anggota masyarakat dengan baik, maka saya percaya ada kalau tidakpun secara keseluruhan akan mungkin ada sebahagian daripada anak-anak muda kita yang akan berminat dengan pekerjaan itu dan akan mencuba menceburkan diri dalam pekerjaan di sektor perladangan atau sektor binaan yang selama ini tidak diminati oleh anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat demikian kerana mengikut pemerhatian saya kebanyakan anak-anak muda kita yang mahu belum mempunyai pekerjaan yang tetap, suka memerhati terlebih dahulu sebelum mereka menceburkan diri di dalam sesuatu kegiatan. Kalau musim umpamanya mereka melihat ada orang bekerja menjual minuman, makanan di tepi-tepi jalan yang memberi keuntungan, maka akan beramai-ramai pula bertumpu bekerja dalam pekerjaan yang sama. Begitu juga sekiranya didapati pekerjaan menanam tembakau umpamanya boleh memberi pendapatan yang lumayan, maka akan ada berlumba-lumba anak-anak muda kita yang menceburkan diri untuk bekerja di dalam pekerjaan yang demikian itu.

Tujuan saya menyebut ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk menafikan anggapan yang mengatakan bahawa anak-anak muda kita terutama sekali di luar bandar malas bekerja, memilih kerja dan sebagainya. Anggapan ini sudah tidak sesuai lagi kerana saya percaya anak-anak muda kita sanggup bekerja di mana-mana sahaja dan mereka sanggup bekerja keras dan mereka adalah terdiri daripada golongan rakyat yang rajin tetapi mereka tidak menceburkan diri di dalam sektor-sektor pekerjaan tertentu kerana mereka tidak nampak ada kebaikan yang mungkin diperolehi daripada jenis pekerjaan seumpama itu. Oleh yang demikian, saya berpendapat melalui kemasukan

pekerja-pekerja asing secara halal, secara mengikut peraturan yang ditentukan, ianya boleh dicontohi oleh pekerja-pekerja tempatan.

Di sebelah utara kita dapati banyak ladang-ladang tebu di mana boleh memberi pendapatan lumayan sekiranya pekerja-pekerja tempatan sanggup bekerja keras seperti rakyat asing yang masuk bekerja. Kebanyakan pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk bekerja di ladang-ladang tebu adalah dihalalkan kemasukan mereka melalui peraturan-peraturan tertentu dan pekerja-pekerja asing ini mendapat pendapatan yang lumayan setiap musim mereka datang dan peluang ini adalah sangat rugi sekiranya tidak diambil oleh pekerja-pekerja kita sendiri. Saya percaya pekerja kita sendiri boleh mengambil bahagian sekiranya mereka memerhatikan faedah-faedah yang dinikmati oleh pekerja-pekerja asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mencadangkan supaya kita mengkaji semula dasar berhubung dengan kemasukan ini dan janganlah kita anggap kemasukan orang-orang asing ini semata-mata mendatangkan bencana kepada negara, mendatangkan kerugian kepada negara. Marilah kita meneliti mungkin ada kebaikan-kebaikan daripadanya dan yang penting sekali apabila dapat diadakan peraturan kemasukan mereka secara halal maka sudah tentu kita akan dapat mengurangkan kalau tidakpun menghapuskan kemasukan secara haram ini. Pada masa ini kita menghadapi masalah kemasukan orang-orang asing secara haram kerana susahnyanya untuk mendapat peluang kemasukan secara halal, jadi oleh yang demikian kita tidak dapat menyelesaikan masalah. Walau setakat mana kita memperketatkan peraturan dan undang-undang tetapi yang haram tetap masuk dan yang haram tetap ada.

Orang-orang yang masuk secara haram yang tidak sepatutnya bekerja di mana-mana tempat pekerjaan di negara kita kerana mereka tidak mempunyai permit kerja yang sah tetapi mereka juga bekerja.

Hakikat ini berlaku dan tidak ada siapa daripada kita yang boleh menafikan hakikat ini kerana ianya berlaku di sana-sini. Oleh yang demikian, satu daripada cara untuk menyelesaikan masalah ini ialah kita menghalalkan kemasukan mereka, yakni dengan menentukan sektor-sektor pekerjaan yang tertentu sahaja dan barangkali kemasukan pekerja-pekerja daripada negara-negara yang tertentu sahaja, terutama sekali negara-negara jiran yang mempunyai hubungan tradisional dengan negara kita, terutama sekali di dalam perpindahan tenaga kerja daripada satu kawasan ke satu kawasan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.35 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahar satu Rang Undang-undang yang membuat pindaan kepada Akta Imigresen di mana pindaan-pindaan yang dicadangkan akan membaharui serta melicinkan pelaksanaan Akta Imigresen ini dan saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian kerana dapat membuat beberapa pindaan supaya menjaga kepentingan negara, supaya jangan benarkan kemasukan orang-orang asing yang datang ke negara ini tanpa menggunakan dokumen-dokumen yang sah.

Berhubung dengan perbahasan pindaan kepada Akta Imigresen ini, saya ingin mengemukakan di sini satu masalah yang dihadapi oleh rakyat

Malaysia, terutama rakyat kita di Sarawak dan Sabah, iaitu mengenai dengan kemasukan warganegara kita ke negara Brunei Darussalam. Mulai 1hb September tahun ini negara Brunei Darussalam tidak menerima pasport kecemasan atau, dengan izin, "emergency passport" sebagai dokumen yang sah dari rakyat Malaysia yang ingin masuk ke negara tersebut walaupun amalan menerima pasport kecemasan ini sudah berjalan lama dahulu. Keputusan negara jiran untuk tidak menerima pasport kecemasan ini telah mengejutkan beberapa orang di kawasan saya, iaitu di Limbang dan Lawas dan juga di daerah-daerah yang berdekatan seperti Miri, Labuan dan Sipitang oleh kerana banyak rakyat Malaysia bekerja di Brunei pada masa ini, beberapa ribu orang bekerja di sana.

Keputusan yang diambil oleh negara jiran ini telah pun menimbulkan satu perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat kita dan kita tidak tahu apakah sebabnya keputusan ini diambil oleh negara tersebut walhal kita telah membenarkan ratusan rakyatnya datang ke Sarawak, terutama ke Limbang. Walaupun kita tidak membenarkan mereka datang tanpa dokumen-dokumen ataupun tanpa pasport, tetapi mereka datang sebelah malam, sebelah petang apabila Pejabat Imigresen tutup. Mereka datang juga dan kita tidak menghalang mereka datang, tetapi kepada rakyat kita yang ada di Limbang dan Lawas susah bagi mereka pergi ke Brunei sekarang ini.

Saya ingin tahu sama ada masalah yang timbul baru-baru ini telah dirunding di antara kedua-dua Kerajaan supaya masalah batasan ini dapat diatasi untuk mengekalkan harmoni di antara rakyat kita dan juga rakyat Brunei.

Jadi, memandangkan masalah yang selalu dihadapi oleh rakyat Malaysia yang berdekatan dengan negara

Brunei, oleh kerana tiap-tiap hari mereka terpaksa pergi ke Brunei untuk menjalankan perniagaan dan sebagainya, adakah Kerajaan bercadang supaya satu pasport terhad yang khas ataupun satu dokumen khas digunakan oleh rakyat Malaysia yang berdekatan dengan negara Brunei, khasnya bagi kawasan Limbang dan Lawas dan juga kawasan Miri dan Labuan dan Sipitang di Sabah. Oleh kerana banyak penduduk-penduduk yang pergi ke Brunei tiap-tiap hari apabila menggunakan pasport antarabangsa, satu, dua, tiga bulan habis dicop dan oleh kerana itu terpaksa membuat permohonan pembaharuan ke Kuching dan ini telah mengambil masa yang panjang dan mendatangkan masalah juga, oleh kerana pasport antarabangsa yang digunakan itu, memang kalau permohonan pembaharuan dibuat, jarak jauh di antara Limbang, Lawas dan Kuching ialah seperti dari Perlis ke Johor. Jadi, oleh kerana itu saya minta supaya Kementerian dapat menimbang masalah ini dan memang saya pernah menyentuh masalah yang sama di Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang lepas dan kita telah diberi jaminan oleh Timbalan Menteri yang lalu bahawa permohonan ia itu pasport terhad ini akan dipertimbangkan, tetapi sampai sekarang rakyat masih menunggu keputusan yang akan dibuat oleh Kerajaan mengenai dengan perkara ini.

Saya juga meminta supaya Kementerian, kalau dapat dikeluarkan pasport antarabangsa di Limbang, kalau bukan di Limbang mungkin di Miri yang berdekatan supaya dapat meringankan beban rakyat yang meminta pasport antarabangsa ataupun memperbaharui pasport antarabangsa yang sudah expired. Jadi kalau Kementerian membuat pengeluaran di Limbang ataupun di Miri, ini dapat menolong rakyat kita yang berdekatan dengan negara

Brunei supaya dapat melicinkan perjalanan mereka ke negara tersebut.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan satu dakwaan bahawa orang asing yang datang ke Sarawak untuk bekerja dengan kontraktor-kontraktor yang mempunyai kontrak dengan Sarawak Shell, mereka pergi ke Sarawak atas sosial visit pass, tetapi apabila mereka datang ke Sarawak mereka menggunakan social visit pass mereka untuk bekerja tanpa meminta work permit daripada Imigresen. Jadi, kalau memang ini benar, susah bagi Imigresen membuat kawalan ke atas orang-orang asing yang datang untuk bekerja dengan Shell di Miri. Jadi, saya harap supaya pihak Imigresen dapat membuat kawalan dari satu masa ke satu masa supaya tidak ada orang asing yang datang ke negara kita yang datang atas social visit pass, tetapi menggunakan keistimewaan itu untuk bekerja.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

5.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963.

Apabila saya melihat Akta 1959/1963 ini telah membayangkan kepada saya bahawa Akta Imigresen ini merupakan satu Akta lama dan sudah tentulah kalau sudah lama sesuai sangat untuk dipinda, lebih-lebih lagi saya kira tahun 1963 ialah tahun

Malaysia baru diwujudkan. Jadi, dengan wujudnya Malaysia sehingga 1988 ini saya nampak sudah memakan masa kira-kira 25 tahun. Masa yang begitu lama saya kira sudah cukup bagi pihak Timbalan Menteri ataupun pihak Menteri Dalam Negeri untuk meminda Akta ini, sudah munasabah dan sudah mempunyai hukum atau hujah-hujah yang logik untuk meminda Akta yang lama ini.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan ialah hari ini kita lihat segala bentuk bantuan, kemudahan, kelengkapan kepada pihak Imigresen, pegawai penguatkuasa dan sebagainya semuanya ditaja dan ditanggung oleh pihak Kementerian ini sendiri. Apakah salah kiranya kita buka ruang untuk orang ramai ataupun swasta bersama-sama dengan Kerajaan untuk membeli peralatan, misal katakan membeli bot-bot peronda, memberi derma helikopter, senjata ataupun sebagainya. Saya kira ada orang-orang tertentu yang kaya raya yang banyak wang boleh membantu kita dan memberi bantuan kepada kita. Tinggal lagi mungkin selama ini kita tidak membuka peluang serta ruang itu kepada dermawan ataupun orang kaya dalam Malaysia ini sendiri, ataupun dalam masa yang sama kita juga boleh menswastakan beberapa program ataupun rancangan ataupun projek dalam soal-soal Kementerian ini sendiri.

Perkara ketiga yang saya jelas lihat iaitu dari segi longgarnya penguatkuasaan di sempadan masuk Malaysia ini sendiri, terutama di perairan antarabangsa. Sebagai contoh, kalau kita lihat perairan antarabangsa antara Malaysia dengan Singapura, orang kita misal katakan di kawasan Masai atau Penggerang, masuk lebih sedikit sahaja ke Singapura sudah ditangkap, dijel, tidak baliklah, isteri menangislah di rumah fasal suami tidak balik. Kalau anak tidak balik pun ayah dan ibu

menangislah. Tetapi hingga hari ini boleh dilihat sekarang orang Singapura yang masuk ke Malaysia di Masai, Penggerang, di Pontian, di Muar, di Batu Pahat, di Johor Bahru, macam kita pergi daripada Kuala Lumpur ke Petaling Jaya—tidak ada sekatan apa-apa, sekali sekala sahaja, malah kita mempunyai komplain yang agak jelas daripada penduduk-penduduk tempatan bagaimana berleluasanya perkara-perkara ini berlaku di perairan masuk. Sama juga perkara ini terjadi di perairan Sabah, bagaimana mudahnya orang-orang Indonesia, orang-orang dari Filipina masuk ke kawasan kita.

Bila kita majukan perkara ini kepada Pegawai Penguatkuasaan, Pegawai Penguatkuasaan kata ia telah bekerja dengan sebaik mungkin, telah menggunakan segala bentuk bantuan sebaik mungkin, tetapi kenapa terjadi demikian? Satu, kerana tidak cukup pegawai; kedua, tidak cukup alat-alat dan juga kemudahan-kemudahan moden; dan yang ketiga, mungkin sistem kita perlu disemak, dikaji balik. Kalau bila kita bercakap tentang alat-alat, kita merasa sedikit dukacita, saya minta maaf, bot-bot rondaan illegal immigrants ataupun pendatang-pendatang haram ini lebih laju daripada bot-bot yang kita beli. Macam mana kita hendak kejar dia, kita hendak potong dia, dia punya kuasa kuda lebih hebat daripada kita, dia ketawa "ta, ta; bye, bye". Jadi perkara ini sudah sampai masanya kita ambil kira.

Kalau bercakap tentang Johor, hari-hari ada illegal immigrants, hari-hari ada pendatang haram masuk, sampai kita hendak bina jeti nelayan di Muar, Batu Pahat, Pontian takut kita hendak buat jeti-jeti itu, sebab kita bina jeti, kalau kita buat pelabuhan, kalau kita buat pusat pendaratan, maka memudahkan orang-orang asing Indonesia ini duduk dan juga singgah di situ. Sampai tidak boleh, sampai

kalau kita hendak buat jeti, hendak buat tempat pendaratan ikan dan sebagainya terpaksa kita buat satu permintaannya istimewa daripada pihak Kerajaan Negeri, takut kemudahan yang kita hendak bina kepada nelayan itu menjadi kemudahan kepada pendatang-pendatang haram, pendatang-pendatang asing.

Begitu juga kalau kita baca suratkhobar, sebulan sekali kalau tidak ada pencerobohan di Sabah, macam tak sah Sabah itu. Sungguh saya cakup ini! Saya bukan menentang Kerajaan, saya menyokong Kerajaan tetapi saya sebut ini, kerana saya melihat masalah penguatkuasaan merupakan suatu masalah yang menghantui ramai orang terutama nelayan-nelayan—kena bunuhlah, kena tangkaplah, kena pancunglah, macam-macam kenalah, yang lain-lain hendak cakap pun segan. Jadi saya kira sampai masanya kita menyemak balik dari segi penguatkuasaan di perairan-perairan antarabangsa ini, di perairan-perairan sempadan ini.

Saya belum lagi bercakap tentang di kawasan ZEE. Kalau waktu siang, kita mungkin boleh tangkap bot luar dan sebagainya tetapi di waktu malam, kalau kita lihat contohnya di Pantai Timur, bot Siam dengan bot Taiwan, Hongkong dan juga Filipina, kalau hendak pergi mengail sotong ataupun pergi tangkap ikan, biasanya lampu berkelip-kelip itu kita “geng”, rupanya bukan “geng” tetapi musuh. Ini terjadi, bukan saya hendak adakan benda-benda yang tidak ada, malahan bila kita tangkap kadang-kadang susah kita hendak letak bot itu, hendak letak kapal-kapal di mana, melambak di pelabuhan. Jadi ini satu perkara yang saya kira serius.

Begitu juga kita melihat di segi penguatkuasaan di sempadan-sempadan masuk. Misalnya di sempadan antara Golok dengan

Rantau Panjang ataupun di sempadan Bukit Kayu Hitam ataupun di sempadan Perlis. Kita tidak cukup pegawai-pegawai, dia pergi balik; pergi balik. Jadi kalau kita boleh lihat dengan mata kepala kita sendiri pergi masuk, pergi masuk macam itu, tidak gunalah kita ada Pejabat Imigresen. Saya bercakap terus-terang, saya ingat satu hari di Golok, Rantau Panjang sahaja, orang masuk, pergi-masuk, pergi-masuk 6,000 — acapkali. Masuk itu bukan masuk sahaja — kalau macam saya dengan sesiapa ini mungkin sahaja-sahaja hendak tengok macam itu sahaja — bawa beras, bawa gula, bawa ayam, bawa tembakau dan macam-macam dia bawa. Jadi ini satu perkara yang saya kira perlu diberikan tekanan dan penekanan yang serius. Ini meminta kita untuk mengkaji semula soal-soal pas masuk dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan soal pas, orang yang mempunyai dua pas—satu Pasport Antarabangsa dan satu lagi Pasport Terhad. Saya difahamkan kita boleh mempunyai dua pas — satu yang Terhad dan satu lagi Antarabangsa. Saya kurang setuju kita beri seorang itu dua pas. Fasal apa? Kadang-kadang dia boleh menyalahgunakan pasport yang dia pakai. Katakan saya, kalau saya tidak boleh dibenarkan menggunakan Pasport Antarabangsa tetapi saya melakukan satu jenayah, satu benda yang salah dan sebagainya, saya boleh menggunakan Pasport Terhad untuk lari ke Siam, untuk lari ke Filipina, untuk lari ke Indonesia dan sebagainya. Jadi sudah sampai masa dan waktunya kita mengkaji, kalau hendak beri dia satu, beri satulah. Kita takut yang satu itu okay pasportnya tetapi yang satu lagi tidak okay. Yang tidak okay dia tidak pakai, yang okay dia pakai. Jadi kalau yang okay itu okay sedangkan batang tubuh manusia itu juga, saya kira tidak jadilah. Mana boleh satu manusia itu kita kata okay dan tidak okay. Kalau

okay — okay, kalau tidak okay, tidak okay, begitu.

Perkara yang seterusnya saya melihat banyak bilangan illegal immigrants ataupun pendatang-pendatang haram di ladang-ladang dan juga di kedai-kedai kopi. Saya melihat ini telah lama dibangkitkan, tentang pendatang haram ini memang terlalu ramai. Dahulu kita membuat bangunan, hari ini kita masuk ladang getah, ladang kelapa sawit dan sebagainya. Bila kita tanya kenapa banyak sangat orang-orang ini masuk secara haram datang ke ladang-ladang getah, kelapa sawit dan sebagainya? Hendak buat macam mana? Kita hendak buat satu undang-undang tidak boleh, kerana kalau kita tegaskan undang-undang kita, ibaratnya kita tidak boleh pungutlah kelapa sawit, susu getah kita tidak keluarlah, sebab orang-orang Malaysia ini manja-manja. Budak SPM, HSC ini mereka tidak mahu bekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit, sebab mereka manja, sebab Kerajaan Malaysia ini kaya-raya, mewah hidup dan sebagainya. Kita tidak persoalkan soal itu. Yang kita persoalkan bagaimana begitu ramainya pendatang-pendatang haram yang berleluasa di ladang-ladang, di estet-estet, di bangunan-bangunan, di luar bandar, macam-macam lagi.

Jadi ini saya kira adalah merupakan satu keadaan yang sangat merugikan, sebab bila adanya pendatang-pendatang haram yang duduk berleluasa ini di ladang-ladang dan di estet-estet, ia sekali gus menghentikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Saya kira, setahu sayalah, sudah puluh ribu malah kata setengah-setengah orang ratus ribu, saya tidak boleh beri angka tepat, kerana kadang-kadang Kementerian juga tidak dapat memberikan angka yang tepat fasal ia haram. Jadi soal ini saya rasa tidak perlulah kita bertindak bila adanya

misal kata dakwaan ataupun laporan (report) dan sebagainya, tetapi yang jelas di ladang-ladang hari ini soal pendatang haram daripada Indonesia memang banyak, daripada Siam pun memang banyak, malah ada juga pendatang-pendatang haram yang duduk menjaga anak dan sebagainya, malah daripada India pun ada pendatang haram yang duduk di warong-warong kopi, yang bekerja di kedai-kedai orang yang tertentu pada hari ini. Jadi, saya melihat perkara-perkara ini adalah satu perkara yang perlu diberikan perhatian dan juga penelitian yang lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya soal dendaan, soal hukuman kepada pendatang-pendatang haram ini diberikan hukuman ataupun dendaan yang lebih berat daripada apa yang ada. Kajian semula perlu dijalankan supaya mereka ini tidak lagi datang ke mari. Sebagai contoh, kalau orang Siam dia suka masuk jel kita, jel kita comel, jel kita baik, makan free, dia tidak kena bayar, kita yang bayar. Jadi dia kata dia lebih suka masuk jel, kerana bila masuk jel ini macam rumah di tempat mereka, istimewa sangat. Jadi, kalau macam ini, ramailah orang-orang hendak masuk jel dan sebagainya.

Begitu juga dalam soal penangkapan ini, saya melihat ada sedikit kelemahan iaitu misal kata orang-orang Siam yang menjadi nelayan. Mereka yang berumur 15 tahun ke bawah tidak dikenakan apa-apa denda ataupun hukuman — rasanya 15 tahun, kalau silap betulkan, tetapi ada had umur 15 tahun. Jadi Siam ini cerdik, memang dia cerdik tetapi ada juga masanya dia bodoh. Dia cerdik ini iaitu dia menhantarkan orang-orang yang berumur 15 tahun ke bawah — 14 tahun 9 bulan, 14 tahun 11 bulan, jadi tidak cukup 15. Ertinya, apabila dia ditangkap, dia dilepas denda sebab umurnya tidak cukup. Jadi soal ini kita

kena gubal balik, kena kaji balik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan saya melihat Kementerian Dalam Negeri merupakan satu Kementerian yang memang up-to-date, yang memang kemas, yang begitu bekerja keras dan yang telah banyak memberikan jasa dan bakti terhadap keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat. Apa yang saya timbulkan hanya merupakan butiran-butiran yang perlu diperketat dan juga dikemaskan lagi dengan apa-apa yang telah baik. Saya memuji langkah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian ini, kerana selama ini kita melihat soal penjagaan dan sebagainya memang diambil berat tetapi apa-apa yang telah saya timbulkan tadi adalah merupakan perkara-perkara yang mungkin kita tidak sedar ataupun kita sedar tetapi kita tidak merasakan ianya penting dan perlu. Jadi, tekanan yang saya buat pada hari ini terutama dari segi penyusupan dan juga kehadiran illegal immigrants ini, dengan izin, ataupun pendatang haram ini di perairan-perairan masuk iaitu di sebelah selatan bersempadankan dengan Singapura, dengan Indonesia, kemudian di Sabah dengan Filipina adalah merupakan tumpuan-tumpuan yang mesti dipandang serius dan diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong penuh Kertas DR.16/88 iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963 ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.00 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta

untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963 ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Rang Undang-undang ini sudah lama patut dibentang memandangkan masalah-masalah yang telah berlaku kepada negara kita sama ada di segi ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya. Langkah ini adalah satu langkah yang baik yang telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menjamin segala permasalahan yang dirasakan oleh semua peringkat di negara kita khususnya kita sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab untuk melihat, untuk memastikan keamanan, kesejahteraan, kemakmuran negara kita terutamanya kepada anak-anak Malaysia ini sendiri.

Kita tidak berniat apa lagi untuk mengatakan seperti kata pepatah Melayu "Kera dihutan disusui, anak di riba mati kelaparan". Jadi perkara ini barangkali sedikit sebanyak ada kebenaran dalam erti kata kaitan pepatah Melayu itu. Kita tidak mahu masyarakat Malaysia, orang-orang Malaysia di negara Malaysia yang tercinta ini semakin tertekan dari segi perasaan, dari segi hidup semata-mata kerana kemasukan pendatang-pendatang haram, orang-orang asing yang mengganggu-gugat kehidupan keamanan di negara ini. Jadi langkah yang dibuat untuk meluluskan Rang Undang-undang ini adalah satu langkah yang baik untuk menjamin matlamat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya barangkali mempunyai pandangan yang agak melampau ataupun tegas memandangkan masalah-masalah yang dialami oleh masyarakat kampung dan tempat-tempat berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara kita.

Saya ingin mengambil contoh di segi rompakkan. Misalnya, banyak rompakkan yang berlaku ini semakin

menjadi-jadi, semakin berani dilakukan oleh warganegara asing yang masuk ke negara kita dan mereka bukan sahaja menumpukan ataupun merompak di peringkat bawahan, sampaikan mereka yang berkedudukan tinggi pula menjadi sasaran. Ini merupakan satu cabaran kepada pihak berkuasa bahawa mereka tidak lagi bimbang dan takut-takut dengan kemampuan keselamatan di negara ini. Misalnya, pada hari Sabtu yang lepas seorang Hakim yang bernama Abu Mansor Ali telah dirompak oleh pendatang ataupun warganegara asing. Allahyarham Tun Sardon Jubir juga pernah berhempas pulas menentang perompak yang terdiri daripada warganegara asing. Bekas Ketua Hakim Tun Suffian Hashim juga pernah dirompak dan bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdullah Ayub juga pernah dirompak. Saya nampak perompak-perompak ini juga sedang mencari publisiti kerana merompak orang-orang yang berkedudukan tinggi ini kerana ingin mencabar kekuasaan pihak berkuasa Kerajaan Malaysia dari segi keselamatan. Memanglah fasal mencari publisiti ini macam-macam caranya termasuklah Yang Berhormat dari Johor Bahru (Bebas) semalam pun cari publisiti....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan!

Tuan Hashim bin Safin: Contohnya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Contoh hendak cari publisiti ini macam-macam. Ini kaitan dengan perompak, bukan dia merompak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi rompakan-rompakan yang masuk dalam akhbar kerana publisiti bila orang-orang berkedudukan tinggi

dirompak, tetapi yang dikampung, yang dipukul, diperas ugut, di sempadan di kawasan Parlimen saya Tanah Merah bersempadan dengan Siam banyak lagi. Kadang-kadang mereka takut untuk melaporkan kepada Polis kerana diancam, bila-bila masa akan dirompak lagi, akan dipukul lagi. Pistol senang sahaja masuk. Jadi perkara ini begitu menghantui, membimbangkan penduduk-penduduk terutamanya di kampung, pemilik-pemilik kebun-kebun getah, ladang-ladang getah di sekitar hasil daripada rasa berleluasa pendatang-pendatang haram ini yang masuk ke negara kita.

Saya ingin menarik perhatian kita menghadapi dua masalah. Satu kepada pihak Kementerian Buruh ataupun Kerajaan kita mengalu-alukan kehadiran, kemasukan pekerja-pekerja asing dan di sini lagi sekali saya hendak mengatakan bahawa kemasukan yang baik, yang boleh memberi sumbangan boleh menolong mengeluarkan hasil, meningkatkan ekonomi negara, kita alu-alukan. Tetapi kadang-kadang mereka ini yang baik juga kadang-kadang dicap lebih kurang sama dan mengelirukan pihak pekerja ladang, pihak pengusaha, kontraktor untuk memilih mana yang baik sebab kita tidak tahu manusia sama sahaja, kepala sama hitam, hati tidak tahu, kadang-kadang dicap kalau daripada Siam itu mungkin jahat, tetapi di Siam juga ada yang baik dan ada yang jahat. Jadi perkara ini perlu melalui tindakan tegas, pengawasan yang kuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dapat kita tentukan. Peristiwa-peristiwa seperti rogol pernah berlaku. Seorang jururawat di Klinik Bangsar pada satu ketika, saya baca berita, dirogol sehingga pengsan. Ini satu perkara yang merosakkan dan membimbangkan dan keadaan ini berlaku misalnya di kampung-kampung sendiri, bimbang perempuan-perempuan kita, anak-anak sekolah, anak-anak dara bimbang

di kawasan persekitaran kerana perbuatan-perbuatan ini. Kalau di sini dirogol dalam klinik, kalau di sana dirogol dalam semak, ini membimbangkan dan dalam perkara seperti ini haruslah langkah diambil untuk memastikan kekurangan kemasukan pendatang-pendatang haram ini yang mengganggu-gugat kesejahteraan dan keamanan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini tidak perlu bercerita panjang kerana saya yakin maklumat keselamatan daripada segala pihak intelligent yang diberi mencukupi. Cumanya melalui kelulusan Rang Undang-undang ini, saya ingin mencadangkan tindakan tegas yang dikatakan tadi supaya pihak Kementerian menubuhkan satu Pasukan Petugas "Task Force" ataupun "Firing Squad" untuk memburui menentukan mereka ini kalau perlu. Semalam saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut kalau perlu kekasaran perlu dibuat secara kekasaran dan bila saya semak, ada peruntukan di bawah Seksyen baru 59A yang memberi kuasa kepada Menteri atau Ketua Pengarah bagi membuat apa sahaja selepas daripada ini, dan saya baca dari huraian:

"Seksyen baru 59A bertujuan memperuntukkan bahawa suatu perintah Menteri atau Ketua Pengarah di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini adalah muktamad".

Ini bermakna kita boleh buatlah satu Pasukan yang boleh bertindak tegas, kalau terpaksa tembak, tembaklah macam Indonesia pernah buat. Dahulu kita takutkan apa yang dibuat di Indonesia, tetapi bila dia ada satu Pasukan Tembak perompak-perompak, penyamun, pengkhianat ini akhirnya boleh menjamin keamanan.

Kalau kita buat begini barangkali mereka ini tidak akan mengulangi atau takut mengulangi dan mereka tidak lagi begitu berleluasa menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh membimbangkan masyarakat kita di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan cadangan itu barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab selepas ini dan saya berharap benarlah supaya soalan ini tidak berbangkit lagi. Kita tidak mahu dengar lagi soal perompak, satu hari mungkin Menteri-menteri kita pula kena rompak, kononnya mungkin banyak lagi cerita-cerita yang tidak diingini berlaku kepada masyarakat Malaysia dan bertindak tegaslah wahai Menteri untuk menjamin dan meyakinkan semula masyarakat kita dalam masalah yang berlaku kepada hasil daripada perbuatan pendatang-pendatang haram ini yang memang membimbangkan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini semoga ianya akan menjamin kesejahteraan, keamanan dan meningkatkan pembangunan ekonomi negara Malaysia tercinta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Larut.

6.11 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963. Undang-undang Imigresen adalah satu-satunya undang-undang yang begitu mustahak dalam mana-mana negara kerana pertama menjaga kepentingan rakyat, ekonomi rakyat dan semua harta benda rakyat ataupun keamanan amnya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah undang-undang Imigresen ini perlu kepada pindaan kerana untuk mengemaskinikan undang-undang Imigresen yang ada iaitu undang-undang tahun 1959 yang telah berefektif pada 1hb Mei, 1959 bagi Malaysia Barat dan mulai pada 16hb September, 1963 bagi Malaysia Timur. Dalam masa yang begitu lama saya percaya banyak unsur-unsur, anasir-anasir, elemen-elemen ataupun pengalaman-pengalaman yang telah dikaji oleh Timbalan Menteri ataupun Menteri Dalam Negeri yang bijaksana. Oleh yang demikian loopholes itu, dengan izin, dapat kita kaji dan dengan lulusnya pemindaan undang-undang hari ini kita akan ada satu undang-undang Imigresen yang kemas, yang mana tidak akan menjejaskan keamanan negara, penduduk dan apa sahaja yang kita kasihi. Kalau kita renung seketika dalam masa tahun 1959 dahulu memang tidak banyak perompak-perompak, penyangak ataupun penyamun-penyamun kerana Ahli Yang Berhormat tadi lupa hendak menyebutkan bahawa Tuan Deputy Speaker pun kena samun.

Masalah ini adalah masalah yang berat dihadapi oleh kita. Kita dapati bahawa memang kita tidak suka kepada pendatang haram kerana pendatang-pendatang haram digunakan oleh estet-estet yang besar, taukeh-taukeh yang besar kerana untuk mengeluarkan produktiviti mereka. Kerana apa mereka berbuat demikian, kerana orang-orang di Malaysia biasanya berkehendakkan pekerjaan yang kolar putih, bukan kolar biru. Jadi pendatang-pendatang haram menyerap masuk melalui loopholes yang ada dalam undang-undang kita melalui sindiket-sindiket yang mana mengangkut mereka kerana kita tidak tahu bila mereka mengangkut pendatang-pendatang haram datang ke sini dan kita dapat tahu apabila mereka balik cuti sahaja

iaitu apabila pendatang-pendatang haram ini balik cuti mereka seramai 50 orang atau 100 orang naik bot yang boleh bawa 8 orang sahaja. Bila bot itu sudah hanyut baru kita tahu. Memang Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak tahu kerana yang datang haram memang dia kata selalu dia tidak tahu. Cuma bila mereka balik mati di laut baru sahaja kita tahu begitu sekali ramainya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun tenaga mereka datang ke negara ini memang kita mahu. Kenapakah kita membenarkan mereka datang secara haram sedangkan kita mempunyai Perdana Menteri, mempunyai Menteri Dalam Negeri, mempunyai Timbalan Menteri Dalam Negeri yang bijaksana, kita boleh berunding dengan negara-negara ini seperti negara Siam, Singapura termasuk Bangladesh dan Filipina membawa mereka datang ke sini secara halal "lawfully entering our country", dengan izin.

Jadi kalau negara Arab umpamanya dalam lawatan saya baru-baru ini dengan Tuan Speaker, Tan Sri Mohamed Zahir telah dapat melihat bahawa di Bahrain, di Juddah, di Oman banyak orang-orang asing yang bekerja di negara-negara mereka. Tetapi mereka ini bukan datang secara haram dan bukan tujuan untuk menjadi tabligh, hendak putar belit agama Islam, mereka datang untuk bekerja di kilang-kilang yang besar-besar di Muscat umpamanya, industrial estates, dengan izin, yang mana kita melihat cuma pekerja-pekerja itu datang dari Filipina dan India serta Bangladesh. Begitu juga di Bahrain umpamanya mereka mempunyai orang-orang Filipina yang cantik-cantik menjadi Air Hostess, begitu juga di Juddah. Mereka datang bukan secara haram, mereka diberi permit untuk bekerja dan setelah mereka bekerja umpamanya dua tahun, tiap-tiap dua tahun majikan

mereka akan memberi tiket untuk balik bercuti dan kerja mereka dapat diteruskan semula apabila mereka datang balik selepas cuti.

Syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka itu seperti kalau mereka hendak datang, mereka tidak boleh mengandung (pregnant), mesti freshlah, Tuan Yang di-Pertua. Mengandung itu memang alamat tidak baiklah, jika datang ke negara itu bila date of delivery comes then the child becomes the citizen of the State, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh dirundingkan dengan negara mana kalau kita tidak mempunyai expertise atau specialists. Tuan Yang di-Pertua, memanglah undang-undang yang dibentangkan hari ini telah diadakan dengan pemikiran yang wajar dan pembentangan ini adalah untuk kepentingan kita dan kepentingan orang luar juga. Tidak menjadi masalah kalau undang-undang ini dikatakan ketat kerana telah beberapa kali saya bercakap di dalam Parlimen ini ada setengah orang yang tidak suka kepada undang-undang, ada setengah orang tidak suka kepada undang-undang Polis. Jadi kita mesti beritahu kepada orang ramai bahawa undang-undang itu untuk menyekat, membanteras sesuatu. Jadi bagi sesiapa yang tidak bersalah, saya percaya mereka tidak takut kepada undang-undang kerana biasanya kita tidak takut kepada mana-mana undang-undang kalau kita mempunyai niat yang baik, "good intention", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa seksyen yang baru kita dapati bahawa mereka juga mempunyai hak untuk appeal, dengan izin, kepada Menteri mana-mana perbuatan kita ataupun tanggapan kita yang tidak sesuai dengan mana yang difikirkan patut. Begitulah juga saya

percaya undang-undang ini juga tertakluk kepada umpamanya kalaulah ada sesiapa yang disangka datang ke negara ini tanpa izin mereka juga berhak mendapat Writ of Habeas Corpus dan Habeas Corpus ini diberi kepada unlawful detention, dengan izin. Jadi, banyaklah lagi Writ of Certiorari, Mandamus dan macam-macam lagi dalam undang-undang Inggeris yang mana orang dipercayai dianiayai boleh memohon kepada mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kebijaksanaan yang ada dalam undang-undang ini tidak mahu menekan sesiapa bahkan memberi ketenteraman, keamanan kepada negara kita untuk menjaga ekonomi kita, untuk menjaga tata susila kita, untuk menjaga kebudayaan kita supaya tidak dicemar.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada banyak orang-orang yang datang ke negara ini kononnya menjadi pelancong dalam masa dua minggu tetapi ada juga yang menjadi yang bukan pelancong tetapi pelacur yang ini kita sedih sedikit. Jadi kalau kita ketatkan undang-undang, pegawai-pegawai Imigresen di bawah Timbalan Menteri bolehlah mengetat lagi undang-undang supaya mereka betul-betul melancong bukan datang ke sini melacur kerana kita sedang dalam proses penerapan nilai-nilai Islam yang tinggi, biarlah mereka melacur di negara lain bukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga mestilah sedar bahawa tindakan pegawai-pegawai Imigresen itu bukan hanya sebagaimana untuk dikatakan tadi hendak tunjuk ada kuasa sahaja sebagaimana dikatakan oleh Ahli dari Lembah Pantai yang bijaksana, hendak marah pun kita mesti senyum, macam Imigresen di England, Australia, Jepun umpamanya.

Di Jepun umpamanya, pegawai-pegawai Imigresen, apabila kita sampai, dia senyum. Kita angguk-angguk, kadang-kadang pasport kita jatuh, dia angguk 10 kali, pasport dia periksa juga. Walaupun dia angguk tetapi dia tidak marah. Jadi, ini gamaknya Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai hendak pegawai-pegawai kita mengikutinya. Tetapi bagi saya, apabila saya pergi ke Imigresen, saya hanya pergi sebagai manusia biasa dan tidak sebut Y.B. ataupun apa-apa, saya bersyukur mendapat pertolongan yang baik kerana dalam hal yang demikian saya hendak buat pasport 60 muka, mereka tanya buat 100 mukalah. Saya kata 100 muka mahal, saya mana ada duit. Buat 60 muka dahululah, kalau pegawai baik macam ini, lain kali saya datang buat 100 muka pula. Ini bukan hendak pergi ke mana pun, saja buat untuk persediaan sahaja. Jadi, yang itu saya terima kasihlah. Kalau hendak beri 100 muka nanti saya datang semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak perkara telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mana menyokong 100% Kerajaan hari ini. Dan memanglah kalau kita hendak buat benda yang baik itu, ada banyak orang yang tidak baik yang suka menghalang usaha-usaha kita. Tetapi dukacita apabila perbuatan baik kita itu tercapai, merekalah yang menjadi beneficiaries, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya dengan hati yang ikhlas menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan dan digezetkan supaya memberi kesan yang baik, memberi ruang kerja yang baik kepada Timbalan Menteri dan dengan yang demikian saya percaya kalaulah Rang Undang-undang ini tidak disetujui oleh Dewan ini, saya percaya negara kita akan menghadapi masa yang gelap. Jadi, dalam meluluskan Rang Undang-undang ini kita memanglah mempunyai Timbalan

Menteri dan Menteri-menteri yang bijak-bijak. Tetapi kalau Menteri atau Timbalan Menteri bijak sahaja, tidak ada undang-undang orang boleh luku kepala. (*Ketawa*)'

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Luku!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Luku. Jadi, kalau umpamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjalankan undang-undang ini ataupun tidak ada undang-undang ini, memanglah susah. Orang sekarang sudah tanya, umpamanya di Johor Bahru sudah pandai, clause berapa awak bercakap? Saya tidak tahu lain-lain negeri. Di kampung-kampung pun sudah tahu, awak bercakap atas undang-undang apa? Legal Profession Act, saya kata umpamanya, fasal saya lawyer. Kalau doktor, Medical Profession Act, is it? (*Ketawa*) Medical Profession Act. Jadi, Kalau housing, Housing Act. Kalau Menteri Pelajaran, Education Act; Dalam Negeri, ISAlah. (*Ketawa*) ISA ini maksud saya buka ISA Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai, bukan. Dia kawan baik saya. Walaupun kadang-kadang tidak berapa nampak dia di sini (*Ketawa*) tetapi dia adalah kawan baik saya. Berbagai-bagailah lagi ditanya orang sekarang ini, kerana yang menjadi dukacitanya umpamanya di Johor Bahru, apabila kita adakan Pilihanraya baru-baru ini, orang sudah tanya pada saya, clause berapa, Tribunal itu apa benda, fasal apa buat?

Saya kata macam ini macam mana, awak baru berjumpa saya cuma 5 minit, hendak tahu macam-macam. Saya belajar undang-undang di England 4 tahun, barulah tahu Tribunal, Natural Justice, Mandamus Certiorari itu pun dia sudah pening. Saya memang cerita bagi dia pening cepat, bagi dia kata undang-undang ini

payah. Jadi, kalau dia ingat undang-undang ini senang, maknanya semua orang boleh jadi lawyer. Sebut Mandamus sahaja semua orang pitam. (*Ketawa*) Certiorari, locus standi. Jadi hal-hal yang demikian ini telah timbul di Johor Bahru, kerana ada orang mengajar undang-undang tanpa lulus sesuatu undang-undang. Ada orang mengajar sesuatu tanpa mengikut sesuatu. Dengan izin, there are uncertain people teaching uncertain groups of uncertain things. (*Tepuk*) I am disappointed over this matter. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah dalam suasana di mana orang berkehendakkan kuasa dan kuasa ini direbut di dalam Pilihanraya kerana kita begitu demokratik. Tetapi dalam hal yang bersangkutan-paut dengan Imigresen ini, kita percaya banyak juga orang bertanya, apabila dia kena tangkap, dia akan bertanya kenapa dia ditangkap? Kita mesti beritahu bahawa dia tidak ada Pas.

Baru-baru ini di kampung saya sendiri ada seorang imigran, dia sudah kahwin dengan orang kampung. Dia dapat anak tiga. Jadi, semasa Ahli Parlimen dahulu, dia tidak ada report apa-apa, dia duduk diam di kampung, kahwin dengan orang kampung. Bila saya jadi Ahli Parlimen, dia pun keluar dengan tiga orang anak. Dia pun buka clause "born in Malaysia, should be Malaysian citizen". Cikgu mana ajar dia pun saya tidak tahu. Jadi, saya pun berjumpa dengan Timbalan Menteri. Timbalan Menteri pun telah memberi akuan bahawa ianya boleh datang balik ke sini, kalau ianya balik ke Indonesia dahulu dan membuat international passport untuk datang di sini. Kerana anaknya yang tiga itu dia kata tidak dapat berpisah dengannya.

Saya menyoal Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain, kenapa semasa hendak kahwin dahulu tidak berjumpa

Wakil Rakyat dan kenapa masa hendak kahwin dahulu tidak berjumpa ADO, kenapa masa hendak kahwin dahulu tidak berjumpa Dato' Megat? Jawap Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain, bila dia syok, dia tidak ingat dekat kita. (*Ketawa*) Tetapi apabila dia dapat waran tangkap dari Timbalan Menteri, dia barulah takut dan datang ke rumah Yang Berhormat atau rumah saya sendiri di kampung. Kadang-kadang rumput tidak payah kita tebas, berhari-hari dia datang, jadi cerah. Begitulah seseorang itu apabila telah dilanda oleh Undang-undang Imigresen.

Walau bagaimanapun, Timbalan Menteri dengan hati yang baik telah meletaknya di lokap di Taiping, beri makan dan anaknya dapat melawat beliau di Taiping dan disuruh kembali ke Indonesia. Barangkali ianya sekarang di dalam keadaan yang baik, tidak berjumpa Wakil Rakyat lagi. Kalau dia berjumpa, insya Allah, saya akan berjumpa Timbalan Menteri kerana Timbalan Menteri ini orang yang baik, bijaksana, memang he acts reasonably according to reasonable problem. (*Ketawa*) So, Dato' Megat when confronted with problems he always smiled, dengan izin, dan dia menyelesaikan masalah itu mengikut perundangan dan bukan kehendak hatinya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dengan yang demikian, saya menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan tanpa mana-mana bangkangan dari Ahli-ahli yang lain. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.